

# **BERUAS**

KERAJAAN MELAYU KUNO DI PERAK

# **BERUAS**

**KERAJAAN MELAYU KUNO DI PERAK**

*Diselenggara oleh*  
OTHMAN MOHD. YATIM  
NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN  
*Dengan Sumbangan*  
Abd. Hamid Zamburi  
Zainol Haji Hussin  
Abd. Latib Ariffin

Diterbitkan oleh:  
Persatuan Muzium Malaysia  
Muzium Negara  
50566 Kuala Lumpur

*Editor Penyelaras:* Jazamuddin Baharuddin  
*Rekabentuk:* Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1994  
©Persatuan Muzium Malaysia

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, disimpan untuk pengeluaran dari buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

M  
959 5114  
BER

M  
1136173

Dicetak oleh:  
United Selangor Press Sdn Bhd  
55100 Kuala Lumpur

13 FEB 2004

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

*Penerbitan monograf ini ditaja sepenuhnya  
oleh*  
**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**



## KANDUNGAN

KATA ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI	xi
PERUTUSAN MENTERI BESAR PERAK	xiii
Pengenalan dan Penghargaan	xv
1. Sejarah Asal Usul Gangga Negara, Beruas dan Manjung	1
2. Lokasi Gangga Negara, Beruas dan Manjung	15
3. Geomorfologi Beruas Kini	32
4. Jumpaan-jumpaan Arkeologi di Beruas	47
5. Beruas Sebelum dan Selepas 1937	136
PENUTUP	138
LAMPIRAN A	140
INDEKS	142
BIBLIOGRAFI	150

## **KATA ALUAN**

### **KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI**

Buku BERUAS: KERAJAAN KUNO DI PERAK ini merupakan salah satu sumbangan Jabatan Muzium dan Antikuiti dalam usaha mengekalkan kesinambungan sejarah Beruas dalam bentuk dokumen. Ia merupakan rakaman sejarah jatuh bangunnya Beruas dalam sejarah peradaban manusia di Semenanjung ini. Dalam kegemilangan sejarahnya Beruas telah disinggahi oleh pedagang-pedagang dari Timur dan Barat.

Beruas seperti yang dihuraikan dalam buku ini banyak menyimpan sejarah, meskipun sebahagiannya masih diselimuti misteri yang perlu dibongkar. Ia merupakan salah satu Kerajaan kuno Melayu di Semenanjung yang disenaraikan dalam projek pembangunan Jabatan yang akan diberi perhatian segera. Usaha-usaha untuk menyingkap kembali keagungannya ini adalah selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan tapak-tapak sejarah di seluruh negara sebagai salah satu tarikan pelancong.

Kelahiran buku-buku yang merakamkan sejarah tempatan memang dialu-alukan, khususnya dalam usaha kerajaan menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah tempatan kepada generasi kini. Untuk itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi tahniah kepada kedua-dua penyelenggara buku ini di atas kejayaan mereka dalam menyusun buku ini.

Haji Mohamed Zulkifli bin Haji Abdul Aziz  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Muzium dan Antikuiti.

## PERUTUSAN MENTERI BESAR PERAK

Kegemilangan kebanyakan kerajaan kuno di negara ini kekal dalam bentuk catatan pengembara awal ke rantau ini dan ianya pula bertaburan di sana sini. Sebelum ini tidak banyak usaha yang dijalankan untuk mengumpulkan dalam satu penulisan untuk dijadikan bahan rujukan kepada para penyelidik kini di samping menjadikannya sebagai satu dokumen yang berkekalan — testimoni kewujudan sesuatu kerajaan kuno itu.

Buku BERUAS: KERAJAAN KUNO DI PERAK ini merupakan langkah pertama ke arah mengisi kekosongan ini. Untuk itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada kedua-dua penyelenggara buku ini kerana telah berjaya menyusunnya.

Kerajaan Negeri Perak memang prihatin terhadap usaha-usaha untuk mencungkil kembali kegemilangan kerajaan-kerajaan kuno yang terdapat di negeri ini. Usaha-usaha ini mempunyai dua tujuan utama. Pertamanya untuk mendapatkan sebanyak mungkin data atau maklumat mengenai sesuatu tapak sejarah itu untuk tujuan pemeliharannya. Keduanya untuk menjadikan tapak sejarah yang telah dipelihara itu sebagai produk pelancongan terkini guna menarik pelancong-pelancong ke situ. Ini dilakukan selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk mempergiatkan industri pelancongan di negara ini.

Buku ini mengemukakan fakta-fakta yang perlu diketahui umum mengenai sejarah awal Beruas amnya dan sejarah negara ini keseluruhannya. Antara fakta yang agak unggul ialah bagaimana Beruas berjaya memainkan peranan dalam mengekalkan kesinambungan pemerintahan kerajaan Melayu di Perak sebagai lanjutan dari zaman Kesultanan Melaka.

Kewujudan kerajaan Melayu kuno Beruas terbukti dengan terjumpanya artefak-artefak arkeologi di Beruas dan disekitarnya sama ada secara tidak sengaja mahupun melalui eksplorasi yang ditaja oleh Kerajaan Negeri Perak yang dilaksanakan pada tahun

1991. Gambar-gambar sebahagian dari jumpaan-jumpaan itu ada dirakamkan dalam buku ini untuk tatapan umum.

Buku ini akan menjadi satu dokumen yang kekal merakamkan keagungan kerajaan kuno Beruas yang menjadi asas kepada sejarah Kesultanan Perak kini. Ia diharapkan dapat dijadikan bahan renongan masyarakat ini dalam usaha merancang masa depan yang penuh mencabar, khususnya ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.  
Menteri Besar,  
Perak Darul Ridzuan.

19 Rejab 1414  
1 Januari 1994

## Pengenalan & Penghargaan

Cerita-cerita mengenai keagungan dan kehebatan Beruas sebagai sebuah kerajaan Melayu tertua di pesisir pantai Negeri Perak telah lama kedengaran. Dikatakan jika seekor kucing hendak mengelilingi bumbung rumah-rumah di petempatan itu perjalanan itu akan mengambil masa selama tiga bulan. Kehebatannya itu telah menarik perhatian beberapa orang pengkaji. Ia dimulai dengan kajian yang dibuat oleh Col. James Low pada tahun 1840-an. Beliau berpendapat kerajaan Beruas itu memang wujud tetapi sukar untuk memastikan lokasi sebenarnya.

Satu abad kemudian H.G. Quaritch-Wales (1940) pula melawat tempat yang sama. Beliau bersependapat dengan Low. Beliau juga agak kecewa dengan bahan-bahan yang telah dijumpai di sekitar Beruas yang boleh membuktikan keagungannya pada zaman silam. Beliau seterusnya berpendapat misteri itu mungkin akan dapat dijawab andainya satu kerja galicari yang menyeluruh dapat dijalankan. Selepas itu tidak ada lagi orang yang berminat dengan sejarah Beruas. Tinggallah Beruas dalam sepi sehinggalah pada tahun 1986. Pada awal tahun 1986 itu sekali lagi isu lama Beruas itu diperbaharui. Hampir setiap hari pada tahun itu tersiar berita dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai jumpaan artefak-artefak bersejarah di Beruas.

Isu-isu lama seperti dimanakah sebenarnya lokasi kerajaan Beruas dan Manjung dan sejauh mana kehebatan kedua-dua kerajaan itu masih lagi belum dapat dijawab, pada tahun 1986 itu timbul pula satu lagi isu bilamana Beruas dikata tempat yang pertama didatangi Islam di rantau ini. Isu ini timbul berpunca dari dakwaan masyarakat setempat yang mengatakan sebuah batu bersurat telah dijumpai di persekitaran pekan Beruas. Hingga kini batu bersurat tersebut masih belum dapat dikemukakan untuk kajian lanjut.

Minat terhadap sejarah Beruas itu tidak berkubur disitu sahaja kerana pada 25 November hingga 15 Disember 1991 telah dilakukan

satu penelitian 'Projek Penelitian Sejarah Beruas Fasa I'. Ia adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri Perak melalui Yayasan Perak. Projek ini didokong bersama oleh Jabatan Muzium, Universiti Kebangsaan Malaysia, Persatuan Rekreasi, Jabatan Kajibumi, Ipoh, Persatuan Pengkaji dan Peminat Sejarah Daerah Manjung, Guru-guru sekolah di sekitar Beruas dan FELCRA di bawah pimpinan Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman. Sebahagian besar bahan-bahan yang dilaporkan dalam laporan yang disediakan diakhir projek itu telah kami gunakan untuk buku ini. Laporan itu telah disusun dan diperlengkapkan oleh Dr. Nik Hassan Shuhaimi dengan sumbangan dan kerjasama oleh Haji Abdul Hamid Zamburi (bahagian sejarah); Zainol Haji Hussin (geomorfologi) dan Abdul Latib Ariffin (Pemuliharaan), dan juga Mohd. Sali (Jurufoto), Baszley Bee, Suzlyana, dan Kamaruzi.

Untuk itu kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak kerana bukan sahaja telah bersetuju untuk menulis Perutusan untuk buku ini malahan membenarkan kami menggunakan bahan-bahan yang tersiar dalam Laporan Akhir Projek Penelitian Sejarah Beruas Fasa I untuk buku ini. Kepada semua yang terlibat dalam projek penelitian tersebut kami juga ingin melahirkan rasa terhutang budi kami yang tidak terhingga.

Sebagai penyusun buku ini kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka berikut: Haji Abd. Hamid Zamburi, Dato' Shahrudin Abd. Rahman, Y.B. Haji Hamdi, Sdr. Latib Ariffin, Sdr. Zainol Haji Hussin dan Prof. Dato' Khoo Kay Kim yang telah sudi membaca draf awal buku ini. Kepada Haji Mohamed Zulkifli bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium dan Antikuiti, dan Kakitangan Jabatan Muzium dan Antikuiti kami juga ingin mengucapkan terima kasih. Tanpa sumbangan mereka besar kemungkinan buku ini tidak dapat dilahirkan.

Othman Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman


## SEJARAH ASAL USUL GANGGA NEGARA, BERUAS DAN MANJUNG

Apa yang sering ingin diketahui oleh para pengkaji dan peminat sejarah mengenai sesuatu petempatan atau kerajaan kuno itu ialah lokasi petempatan atau kerajaan itu pada zaman moden ini, siapakah pengasasnya, apakah corak atau sistem pemerintahan yang diamalkan dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan petempatan atau kerajaan itu menjadi mundur dan akhirnya menjadi tidak penting lagi.

Nama petempatan atau kerajaan kuno itu ada tercatat dalam buku pengembaraan pengembara-pengembara zaman silam sama ada pengembara Yunani, Itali, Arab, China mahupun India. Para sejarawan dan ahli arkeologi memang berminat untuk mengesan tapak-tapak petempatan atau bekas kerajaan-kerajaan kuno itu dalam usaha untuk membina semula sejarah sesuatu negara. Begitulah juga halnya dengan Gangga Negara, Beruas dan Manjung (*Peta 1*) yang merupakan antara kerajaan-kerajaan kuno di negara ini.

Sebenarnya amat sedikit yang kita ketahui mengenai Gangga Negara, Beruas dan Manjung. Banyak lagi misteri yang menyelubungi ketiga-tiga kerajaan kuno itu yang masih belum dapat dibongkar. Dalam hubungan ini satu pendekatan bersepadu dan antara disiplin memang dirasakan perlu.

Nama BERUAS mengikut Husain Mahmud (1970: 2) dipercayai berasal dari nama sejenis tumbuhan yang banyak terdapat di daerah tersebut. Berdasarkan sejarah lisan lokasi BERUAS asalnya terletak di Pengkalan Baru kerana di situ terdapat banyak pokok beruas. Sebelum BERUAS sekarang ini dikenali dengan nama BERUAS tempat itu dikenali dengan nama BELUKAR SAMBANG. Menurut *KAMUS DEWAN* (Edisi Baru, 1989: 1104) sambang antara lain membawa erti sejenis tumbuhan renek; sarang lebah sudah kosong.



Peta 1. Daerah Manjung.



Sambang juga bermakna gersang. Pada masa dahulu di kawasan itu memang terdapat satu kawasan yang dipenuhi dengan pokok-pokok kecil dan rendang. Pernah di kawasan itu di tanam padi tetapi tidak menjadi. Mulai dari situlah masyarakat setempat menamakan tempat itu BELUKAR SAMBANG (Raja Sabaruddin Abdullah, 1986: 9).

Menurut cerita lisan itu lagi kegersangan daerah itu berpunca dari serangan Raja Rajendra Chola I ke atas Beruas pada tahun 1025 Masihi. Akibat serangan tersebut daerah itu menjadi padang jarak padang terkukur.

Walau bagaimanapun nama BELUKAR SAMBANG itu tidak kekal apabila penduduk disekitarnya mendapati sejenis pokok lain yang banyak tumbuh disekitar belukar itu. Pokok itu dikenali dengan nama pokok BERUAS. Pokok beruas itu menyerupai pokok manggis. Malahan buahnya juga menyerupai buah manggis. Tampok di bahagian bawah buah itu seperti beruas-ruas (seperti pada buah manggis). Isi buah beruas itu juga tersusun rapi bagaikan ada ruas-ruas tertentu.

Berdasarkan satu sumber lagi (Jalil Miran, 1986: 3) mengatakan bahawa BERUAS telah dibuka oleh seorang anak Raja dari Aceh bernama Malik al-Mansur yang diusir keluar dari istana Aceh kerana perbuatan sumbangnya. Beliau dan pengikut-pengikutnya bertolak dari Aceh dan singgah di BERUAS. Semasa beristirahat di tebing Sungai Beruas baginda bersandar pada sebatang pokok. Baginda diberitahu pokok itu adalah pokok beruas. Baginda mengisytiharkan tempat itu sebagai BERUAS. Sumber itu boleh dipercayai kerana disekitar kawasan Beruas itu memang terdapat banyak batu-batu nesan Aceh.

Disekitar pekan Beruas kini tidak terdapat lagi pokok-pokok beruas. Walau bagaimanapun pokok-pokok beruas itu masih banyak terdapat disekitar Pengkalan Baru dan Batang Kubu.

### **Kerajaan Gangga Negara**

Hingga kini amat sedikit malahan hampir tiada langsung bahan-bahan bertulis ataupun bukti-bukti arkeologi yang secara pasti boleh kita kaitkan dengan kerajaan Gangga Negara. Gangga mungkin mengambil sempena nama Sungai Ganges di India manakala Negara dalam bahasa sanskrit bermakna negeri. Jadi Gangga Negara bererti negeri ditepi sungai. Namun begitu berdasarkan catatan Ptolemy dalam bukunya berjudul *Geographike Huphegesis* terkarang di sekitar 150 tahun Masihi yang ada menyebut nama *Cocconagara* yang secara fonetiknya iras-iras perkataan Gangga Negara. Lokasi sebenar Gangga Negara ini, hingga kini masih lagi belum diketemukan dan sebelum ini pun beberapa orang sarjana masih saling

mempertikaikannya.<sup>1</sup> Kerajaan Gangga Negara dipercayai telah wujud di sekitar abad ke-2 tahun Masihi atau mungkin lebih awal dari itu. *Sejarah Melayu* dalam memperkatakan kerajaan Gangga Negara telah secara ringkas menjelaskan kedudukan kerajaan ini:

".... setelah beberapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri, Gangga Negara namanya, Raja Gangga Shah Johan nama rajanya. Adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit ...."<sup>2</sup>

Berdasarkan kepada keterangan *Sejarah Melayu* tadi besar kemungkinan lokasi yang dimaksudkan itu terletak dalam daerah Dinding (sekarang Manjung) di kawasan selatan Gunung Bubu iaitu arah ke timur Bukit Segari di tepi tebing Sungai Dendang, Beruas. Dari kajian Koopmans (1964) mengenai perubahan aliran Sungai Perak, dipercayai Sungai Dendang itu pada suatu masa dahulu bercantum dengan Sungai Dinding dan Sungai Perak. Di sini terdapat kesan-kesan atau tinggalan-tinggalan yang pada suatu masa dahulu mungkin pernah digunakan sebagai pelabuhan iaitu pelabuhan bagi kerajaan Gangga Negara. Perubahan ini disebabkan oleh banjir besar yang sering berlaku seperti banjir tahun 1926 dan juga kegiatan melombong yang telah mempengaruhi dan menyebabkan perubahan aliran sungai ini.

Berdasarkan kepada kajian-kajian Koopmans mengenai perubahan aliran Sungai Perak, dapatlah dirumuskan bahawa pusat kerajaan Gangga Negara dipercayai berubah-ubah dari satu tempat ke satu tempat mengikut keadaan dan desakan masa dan alam persekitarannya. Jumpaan-jumpaan benda-benda purba yang berupa arca-arca Buddha (timah adalah salah satu dari bahan adunan untuk membuat arca-arca ini) telah melahirkan beberapa andaian bahawa kerajaan Gangga Negara pernah berkerajaan di Pengkalan (Ipoh), Lembah Kinta, Tanjung Rambutan, Bidor dan Sungai Siput yang pada suatu masa dahulu boleh dihubungi dari Sungai Perak.

Kajian-kajian yang telah dijalankan ke atas jumpaan-jumpaan ini menunjukkan yang arca-arca Buddha ini dianggarkan telah diperbuat kira-kira pada abad ke-7 dan ke-10 tahun Masihi.<sup>3</sup> Ini menjelaskan lagi bahawa sejak dari awal tahun Masihi telah ada orang-orang India yang datang ke Semenanjung Malaysia ini. Dalam masa yang begitu lama, pengaruh agama dan kebudayaan mereka turut disesuaikan dengan kepercayaan dan kebudayaan masyarakat tempatan.

1 Umpamanya lihat Braddell (1936), Coedes (1968) dan Wales (1940).

2 Lihat *Sejarah Melayu* (Edisi Shellabear, 1967), hlm. 11.

3 Lihat P.V. Van Stein Callenfels, (1930 - 39).

Kebanyakan ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa kerajaan Gangga Negara telah musnah akibat serangan Rajendra Chola I dari Coromandel, India iaitu kira-kira dalam tahun 1025 - 1026 Masihi. Satu kajian yang lebih mendalam dan teliti masih diperlukan sebelum satu kepastian dapat dibuat mengenai perkara ini. Tambahan pula apabila mengingati bahawa *Sejarah Melayu* yang menjadi sumber utama kita dipercayai telah ditulis pada awal abad ke-17.

### **Kerajaan Beruas**

Sepanjang ingatan dan pengetahuan kami nama Beruas mula disebut pada abad ke-15 Masihi bila daerah itu ditakluk oleh Melaka. Sekali lagi nama Beruas disebut di dalam *Sejarah Melayu* apabila Raja Beruas pergi menghadap Sultan Mahmud Shah Melaka (1488 - 1511) di mana Raja Beruas telah diberi gelaran Tun Aria Bija Diraja. Seterusnya *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa pada masa itu Beruas sedang bermusuhan dengan Manjung. Sultan Mahmud Shah telah mengutuskan Bendahara Paduka Tuan dan suatu angkatan perang untuk membantu Beruas menyerang Manjung. Dengan bantuan dari Melaka Manjung dapat dikalahkan dan diletakkan di bawah kerajaan Melaka dengan pengawasan dari Beruas.<sup>4</sup>

Sementara itu berdasarkan satu sumber Barat pula iaitu sebuah buku yang berjudul *Suma Oriental* yang ditulis oleh Tome Pires, seorang pegawai Portugis pada tahun 1512, menyebut bahawa Beruas masih lagi penting pada awal abad ke-16 Masihi.<sup>5</sup> Menurut buku tersebut di Beruas terdapat banyak perahu pedagang-pedagang. Penduduknya ramai dan kebanyakan mereka menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan mereka (menanam padi). Pedagang-pedagang Beruas dikatakan turut berniaga sampai ke Pasai, Aceh, Gujarat, Siam, Kedah dan Benggala.<sup>6</sup> Orang Besar yang menadbirkan Beruas pada masa itu ialah seorang besar bernama Tuan Acem (Tuan Hashim atau Aceh?) dari Melaka. Beruas menghantar enam ribu *timas* (timah?) tiap-tiap tahun ke Melaka, tetapi Tome Pires tidak pula menyebut untuk apa timah itu dihantar ke Melaka, adakah ianya sebagai ufti ataupun quota timah yang perlu diperdagangkan di pasaran Melaka dari Beruas. Adakah ketulan-ketulan timah yang sejak kebelakangan ini banyak dijumpai di Kampung Pulau Meranti sebagai sisa-sisa perdagangan tersebut?

Tome Pires juga menyebut bahawa disepanjang Sungai Beruas itu terdapat dua buah kampung yang kebanyakan penduduknya

4 Lihat R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson (1934: 6).

5 Lihat A. Cortesao, (1944: 261).

6 *Ibid.*, hlm. 114.

terdiri daripada orang-orang Melayu.<sup>7</sup> Mungkinkah dua buah kampung yang disebut oleh Tome Pires itu terdiri dari Kampung Pulau Meranti dan Kampung Kota? Kebetulan di kedua-dua buah kampung itulah telah dijumpai makam-makam lama dan ketulan-ketulan timah. Dalam lawatan Dr. Othman ke Kampung Kota pada tahun 1975 telah ditemui banyak serpihan tembikar perdagangan China dari jenis biru dan putih. Salah satu serpihan tembikar itu mempunyai tarikh awal abad ke-15. Batu-batu nesan lama, ketulan-ketulan timah dan serpihan-serpihan tembikar China tersebut adalah merupakan bukti-bukti arkeologi yang dapat menyokong bukti bertulis (*Suma Oriental*) yang membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa Beruas telah wujud selewat-lewatnya pada abad ke-15 Masihi.

Beruas dan Manjung yang bersempadan masih lagi wujud selepas kekalahan Melaka kepada Portugis. Berdasarkan catatan *Sejarah Melayu* Tun Aria Bija Diraja (Raja Beruas) telah pergi mengadap Sultan Mahmud Shah yang berundur ke Bentan untuk menyatakan taat setianya. Kali terakhir kita mendengar nama Manjung disebut ialah berkaitan dengan peristiwa di mana seorang pedagang dari Manjung yang berniaga di Kelang telah bersua dengan Raja Muzaffar, putera Sultan Mahmud Shah Melaka. Pedagang tersebut telah membawa Raja Muzaffar balik ke Perak di mana Raja Muzaffar telah dilantik menjadi Sultan Perak yang pertama. Baginda telah menjadi Sultan pada tahun 1528 dan bertakhta di Tanah Abang, tidak jauh dari Teluk Bakong sekarang, kira-kira 80 kilometer dari Kuala Sungai Perak. Catatan tersebut terdapat di dalam *Sejarah Melayu*.<sup>8</sup> Sejak itu kita tidak tahu apa yang berlaku di Manjung sungguhpun namanya tetap tercatat dalam peta sehingga akhir tahun 1600, ianya merosot dan akhirnya hilang tanpa meninggalkan kesan.<sup>9</sup>

Lokasi sebenarnya kerajaan Beruas itu masih belum dipastikan lantaran kekurangan bukti-bukti arkeologi dan sejarah yang sungguh-sungguh menyakinkan, kita berhadapan pula dengan satu persoalan lain iaitu siapakah sebenarnya yang menjadi pengasas Beruas itu? Dari tiga sumber yang kami baca menunjukkan pengasas kerajaan Beruas ini datangnya dari empat negeri yang berasingan. Husain bin Mahmud (1970: 2) mengatakan bahawa mengikut tradisi tempatan pengasas negara ini ialah seorang raja bernama Ganji Sarjuna berasal dari Kedah disekitar abad ke-5 Masihi. Beliau juga menyebut daerah ini telah diterokai oleh orang-orang Khmer dari Kambojia. Tetapi beliau tidak pula memberi huraian yang lebih

7 *Ibid.*, hlm. 261.

8 Lihat R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, (1934: 7).

9 Lihat B.W. Andaya (1979: 21).

lanjut mengenai kedua-dua perkara yang diutarakannya itu. Beliau juga tidak menyatakan dari mana sumbernya itu diperolehi.

Sumber kedua iaitu "*Riwayat Negeri Perak Darul Ridzuan*"<sup>10</sup> pula menyebut bahawa selepas kekalahan dan kematian Raja Shah Johan, Beruas telah tiada berpenghuni buat beberapa ketika sehingga datanglah seorang perempuan bernama Mesoka yang belayar kerana dihalau oleh rajanya kerana penyakit bengkak lidah dan pelat tutur katanya. Beliau dan pengikut-pengikutnya sampai di Beruas yang lengang dan terus menerokanya. Mereka yang dulunya lari berkumpul semula dan melantik Mesoka menjadi ketua mereka. Kemudian dikesahkan pula Tun Saban Ibnu Tan Chendera Panjang Ibnu Laksamana Tan Panjang Melaka, keturunan Raja Iskandar Shah Pertama Melaka datang ke Beruas bersama-sama dengan anak isterinya melarikan diri dari serangan Portugis pada 1511. Mesoka telah melantik Tun Saban untuk mentadbirkan negeri. Apabila Tok Mesoka meninggal dunia orang-orang besar pun berpakat untuk memohon seorang raja dari Kampar, Sumatera. Sultan Mahmud Shah mengurniakan seorang puteranya bernama Raja Mudzaffar. Setibanya di Beruas raja itu ditabalkan dengan gelaran "Maulana Paduka Seri Sultan Mudzaffar Shah, Yang Dipertuan Gangga Negara" dan bersemayam di Tanah Abang. Kesah ini memperlihatkan adanya unsur-unsur campur aduk dari kesah yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* iaitu mengenai kesah seorang saudagar bernama Nakhoda Kassim yang diutuskan oleh raja Melaka selepas kejatuhan Melaka ketangan Portugis untuk mencari satu petempatan baru bagi menampung kehilangan Melaka. Dari cerita seterusnya kami mendapati bahawa terdapat kesamaan kisah-kisah yang membawa kepada pembukaan Beruas dan daerah Hulu Perak, ditempat yang sekarang bernama Temong. Personaliti-personaliti yang dikisahkan itu wujud di dua kawasan yang berasingan dalam satu jangka waktu yang sama. Pada pendapat kami, sumbangan *Sejarah Melayu* dalam usaha membantu kita memahami sejarah awal negara ini perlu dinilai semula.<sup>11</sup>

Satu sumber lagi mengatakan bahawa Beruas telah diterokai oleh orang-orang Aceh yang diketuai oleh Sultan Malik al-Mansur (Jalil Miran, 1986: 2). Mengikut Jalil Miran buku "*Raja-raja Dari Pasai*"<sup>12</sup> ada menyatakan bahawa yang menjadi pengasas pertama kerajaan Melayu Beruas di Perak ialah orang-orang dari Aceh yang beragama Islam.

10 Naskhah salinan tangan kepunyaan Allahyarham Cikgu Husain Mahmud yang masih belum dicetak.

11 Versi-versi *Sejarah Melayu* sendiri memberikan huraian yang berbeza-beza mengenai bagaimana bermulanya zaman pemerintahan bersultan di Perak.

12 Temubual dengan Sdr. Jalil Miran pada 9 Julai 1986. Sayangnya penulis tidak dapat melihat sumber-sumber yang digunakannya. Tulisannya adalah berdasarkan kajian yang dibuatnya di Aceh.

Seterusnya mengikut "*Raja-raja dari Pasai*" lagi bahawa Sultan Malik al-Mansur berserta pengikut-pengikutnya meninggalkan Aceh lantaran dibenci dan dihalau oleh kekandanya Sultan Mahmud Az-zahir (c. 1455 - c. 1477). Punca kemurkaan baginda adalah kerana Sultan Malik al-Mansur telah "mengambil gadis istana menjadi isterinya ketika Sultan Mahmud Az-Zahir berada di Pasai". Baginda dan rombongan sampai di kuala Sungai Beruas pada tahun 1456. Pada masa itu Beruas telahpun menjadi sebuah pelabuhan besar di utara Semenanjung setanding dengan Melaka di selatan Semenanjung. Baginda dan rombongannya mendiami Beruas dan nama Beruas dikatakan diambil dari nama pokok di mana Baginda bersandar semasa tiba di Beruas. Pokok itu bernama Beruas. Beruas telah dimajukan sehingga menimbulkan iri hati dikalangan pembesar-pembesar Melaka. Sultan Mahmud telah mengutuskan angkatan perang untuk menyerang Beruas.

Jalil Miran (1986: 6 - 7) juga mengemukakan buku "*Rakit Umum Bertolak ke Melaka*" yang ditulis oleh Al-Muhsin Tauhid dari Riau yang mengesahkan sahabat Sultan Malik al-Mansur dari Pasai bernama Daik Ismail dan Shamsul Baharin dari Aceh yang ingin bertemu dengan sultan yang sedang dalam buangan itu. Dalam pertemuan itu baginda menyatakan hasrat baginda yang ingin kembali ke Aceh dan tidak mahu lagi menjadi Raja Beruas. Kemudian baginda melantik Daik Ismail dan Shamsul Baharin menjadi pembesar-pembesar Beruas.

Buku "*Sejarah Melayu - Aceh*" (1979) yang ditulis oleh Drs. Zakaria Ahmad juga menekankan peranan yang dimainkan oleh orang-orang Aceh di dalam pembukaan Beruas dan pengejalan kemakmurannya hasil dari kegiatan perdagangan. Beruas terus diperintah oleh Shamsul Baharin dan selepas kematiannya dalam peperangan dengan Siam, beliau digantikan oleh Daik Ismail sebelum Beruas ditakluki oleh Siam. Selepas itu Beruas jatuh dari tangan ke tangan hinggalah zaman kesultanan Perak bermula pada tahun 1528.

Walau apapun tanggapan kita tentang nilai cerita-cerita lisan, hikayat-hikayat dalam persejarahan kita, meski pun tanpa bukti-bukti arkeologi yang konkrit, satu perkara iaitu jelas kepada kita tetap di Beruaslah bermulanya dinasti kesultanan Perak yang memerintah hingga ke hari ini. Kami sendiri lebih cenderung untuk mengaitkan kewujudan dan kegemilangan Beruas dengan Aceh. Kecenderongan kami ini berdasarkan kepada jumlah besar nesan-nesan purba yang di panggil Batu Aceh yang terdapat di Beruas<sup>13)</sup> yang bertepatan dengan jangka waktu yang kita kaji.

13 Lihat kajian Dr. Othman Mohd Yatim mengenai batu nesan yang serupa dengan nesan-nesan yang telah dijumpai di Kampung Kota dan Kampung Pulau Meranti yang merupakan thesis Ph.Dnya yang telah diserahkan kepada University of Durham, England. Satu salinan thesis itu ada di Perpustakaan Muzium Negara.



1. Batu nesan Makam Raja Beruas II (Kampung Kota).



2. Batu nesan Makam Raja Beruas II (Kampung Kota).



3. Batu nesan Makam Raja Beruas II (Kampung Kota).



4. Batu nesan Makam Raja Beruas II (Kampung Kota).



5. Batu nesan (Kampung Kota).



6. Batu nesan (Kampung Kota).



7. Batu nesan (Kampung Kota).



8. Batu nesan (Kampung Kota).





9. Batu nesan (Kampung Kota).



10. Batu nesan (Kampung Kota).



11. Batu nesan (Kampung Fota).



12. Batu nesan (Kampung Kota).



13. Batu nesan (Kampung Kota).



14. Batu nesan (Kampung Kota).



15. Batu nesan (Kampung Kota).



16. Batu nesan (Kampung Kota).



17. Batu nesan (Kampung Kota).



18. Batu nesan (Kampung Permatang Lalang).



19. Batu nesan (Kampung Kota).



20. Batu nesan Kubur Panjang (Kampung Tanjung Ara).



21. Batu nesan (Kampung Pulau Meranti).

## 2

### LOKASI GANGGA NEGARA, BERUAS DAN MANJUNG

Sumber-sumber bertulis yang awal seperti sumber-sumber Yunani, China, India dan Arab-Parsi serta sumber tempatan *Sejarah Melayu* umpamanya pernah memaparkan beberapa buah kerajaan kuno yang wujud sebelum zaman Kesultanan Melaka di Malaysia. Antaranya ialah Gangga Negara dan kerajaan Melayu Beruas dan seterusnya Manjung. Tetapi masalahnya ialah dimanakah lokasi kerajaan-kerajaan tersebut?

Antara kerajaan awal yang telah dikenalpasti lokasinya di Malaysia ialah kerajaan *Kataha* atau *Kadaram* atau *Kidaram* atau *Chieh - Cha*.<sup>1</sup> Namun masih banyak lokasi kerajaan-kerajaan awal yang disebut dalam sumber bertulis belum dapat dikesan. Sementara itu data arkeologi telah berjaya mengesan beberapa penempatan yang boleh diiktiraf sebagai penempatan kerajaan awal. Umpamanya penempatan di Santubong di Sarawak dan di Johor Lama. Masalahnya ialah apakah nama kerajaan-kerajaan itu?

Dalam sejarah negara masih banyak ruang-ruang yang kosong yang harus diisi, khususnya untuk zaman kerajaan-kerajaan awal sebelum Melaka. Lalu dalam penyelidikan untuk mengisi kekosongan itu, khususnya masalah lokasi Kerajaan Gangga Negara dan juga Beruas harus diberi perhatian. Dalam hal ini bantuan disiplin arkeologi diharapkan dapat membantu kita dalam usaha untuk membina semula sejarah kedua-dua kerajaan kuno itu.

#### Interpretasi Kedudukan Gangga Negara

Beberapa kajian pernah dibuat untuk menentukan lokasi Kerajaan Gangga Negara dan Beruas. Interpretasi tentang kedudukan Gangga Negara berdasarkan sumber bertulis telah dibuat oleh para sejarawan


<sup>1</sup> Kajian mutakhir mengenai *Chieh-Cha* atau Kedah atau Lembah Bujang boleh dilihat dalam Nik Hassan Shuhuzami & Othman Mohd Yatim (1990).

seperti Col. James Low, Quaritch-Wales, Paul Wheatley, Winstedt, Linehan, Moens, Coedes, Wilkinson, Braddell dan lain-lain lagi. Ada antara mereka yang mengatakan letak kerajaan tersebut di India, ada yang mengatakan di Korbie, dan ada pula yang mengatakan di Perak. Bagaimana pun dalam hal ini kami tidak akan menetapkan satu-satu lokasi bagi kerajaan tersebut pada satu-satu tempat yang tertentu oleh kerana agak sukar untuk memastikannya. Apa yang akan kami lakukan ialah kami akan cuba menetapkan lokasi yang tertentu bagi kedudukan mula-mula kerajaan ini. Ini tidaklah bermakna yang kerajaan tersebut sentiasa kekal di lokasi yang dikatakan, malah ianya berubah-ubah mengikut keadaan dan masa. Dalam hal ini, apa yang jelas ialah kerajaan yang dimaksudkan itu adalah pasti telah berada di Perak sekarang ini, dan bertempat di sekitar kawasan yang meliputi kawasan Kinta, utara Dinding dan kawasan Perak Tengah. Ini bermakna kawasan tersebut adalah luas. Ini mengingatkan kami kepada kerajaan Srivijaya.

Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira beberapa faktor. Faktor yang pertama ialah berdasarkan peta yang diperkatakan oleh Ptolemy. Faktor kedua ialah mengenai pengaruh sungai Perak seperti kajian yang telah dibuat oleh Koopmans (1964). Faktor ketiga ialah melalui kajian yang berdasarkan sumber-sumber China dan lain-lain lagi. Faktor keempat pula adalah berdasarkan jumpaam-jumpaam yang telah dikaji oleh Quaritch-Wales (1940). Faktor yang seterusnya adalah berbandukan bahan kesusasteraan Melayu, ini termasuklah dari bahan-bahan lisan dan yang bertulis. Dan akhir sekali faktor ekonomi. Setelah mengkaji keseluruhan faktor-faktor yang dinyatakan di atas itu maka kami mengatakan bahawa sebenarnya kerajaan yang di sebut sebagai Gangga Negara (dan selalu juga disifatkan sebagai Beruas) itu memang wujud di Perak ini, bukannya di India atau pun dalam dinasti Gangga di India.

### **Kajian Huraian Ptolemy**

Terlebih dahulu kita harus menumpukan perhatian terhadap istilah yang digunakan oleh Ptolemy, iaitu satu sumber utama yang ada menyebut mengenai Semenanjung Tanah Melayu (Moorhead, 1959: 13), terutamanya mengenai nama kerajaan yang kita maksudkan Gangga Negara. Dalam bukunya yang berjudul *Geographike Huphegesis* atau Panduan Ilmu Alam, terkarang pada 150 tahun Masihi ada menyebut nama *Kokognagara* (nama ini berpandu peta 2). Kalau didengar dari segi fonetiknya perkataan tersebut adalah jelas seiras dengan nama Gangga Negara. Dalam hal ini kami sedar kesalahan-kesalahan Ptolemy dengan menggunakan laporan-laporan dari pengembara-pengembara disamping kesalahan



Peta 2. Peta Ptolemy  
 (Dipetik dari Paul Wheatley, Golden Khersonese).

beliau dalam merancang ukuran keliling dunia yang terkecil lebih kurang 30% dari ukuran yang sebenarnya. Disamping itu kami juga sedar atas banyaknya edisi-edisi buku Ptolemy yang telah dicetak terutamanya pada abad yang kelima belas yang lampau, lebih-lebih lagi cetakan dari Ulm. Dalam hal ini kami sedar kemungkinan-kemungkinan kesalahan yang telah dibuat semasa menyalin dan memberi interpretasi karya beliau itu.<sup>2</sup> Tetapi sebaliknya apa yang dipentingkan ialah dari 8,000 nama-nama bandar, pelabuhan, gunung, teluk dan rantau (tersebut di dalam buku ketujuhannya) terdapat juga nama-nama tempat yang ada kaitan dengan negara Malaysia ini.

Berkaitan dengan penggunaan persamaan bunyi fonetik ini harus diingat, bahawa kami tidaklah dengan sengaja menyesaikannya tanpa sebarang sebab. Kami sedar amaran yang diutarakan oleh Hirth tentang hal ini (Braddell, 1936: 162). Disebabkan di peta Ptolemy jelas menunjukkan tempat yang dimaksudkan itu berada di '*Golden Khersonese*' atau pun disebut sebagai '*Avrea Cheronesus*'<sup>3</sup> dan para sejarawan telah memberi interpretasi dengan penuh bahawa tempat tersebut adalah bermaksud Semenanjung Tanah Melayu ini maka '*Kokonagara*' juga turut berada di negara ini. Apa yang penting setakat ini ialah nama "Tanah Semenanjung Emas", telah ada tercatat di dalam senarai Ptolemy dan dengan secara tidak langsung memberikan maklumat kepada kita bahawa "Tanah Semenanjung" tersebut telah wujud sebelum tarikh penyusunan buku Ptolemy itu.

Berbagai-bagai tafsiran telah dibuat mengenai '*Kokonagara*' ini (nama ini berpandukan tulisan Braddell). Mengikut G.E. Gerini, perkataan tersebut sesuai dengan sebuah tempat yang adalah terletak di Korbie bertentangan dengan Ujung Salang (Junk Ceylon). Tetapi A. Berthelot (1930) menegaskan bahawa lokasinya adalah ditebing Sungai Perak berhampiran dengan Kuala Kangsar. R. Braddell (1936: 10 - 71) pula berpendapat bahawa 'kerajaan' tersebut adalah terletak di Sungai Bernam di daerah 'Slab grave'. Tetapi P.W. Douglas menyatakan bahawa '*Kokonagara*' terletak di dalam daerah Kuala Kangsar, Sungai Muda dan Merbok, di Kedah. W. Linehan (1951) pula berpendapat ia terletak di daerah Kinta atau pun Batang Padang. Ini bermakna beliau kurang bersetuju dengan lokasi-lokasi yang diperkatakan oleh penghuni-penghuni di atas tadi. G. Coedes (1968 : 143) pula lebih menyetujui lokasi '*Kokonagara*' di Sungai Dinding. Tetapi Wales (1940: 78) mengatakan di India.

<sup>2</sup> Lihat *Encyclopaedia Britannica*, Jilid X, hlm. 152, Jilid XIV, hlm. 829, Jilid XVIII, hlm. 813.

<sup>3</sup> P. Wheatley menggunakan nama "*The Golden Khersonese*" dalam bukunya yang berjudul demikian. F.J. Moorhead (1959), menggunakan nama "*Golden Cheronese*" dalam "*The History of Malaya and Her Neighbours*" Jilid I, hlm. 14. Dalam peta Ptolemy (lihat peta I) menyebut "*Avrea Cheronesus*" manakala J.F. Mc Nair dalam "*Perak and the Malaya*" menyebut "*Avrea Cheronese*".



Col. Low mencadangkan bahawa 'oldest settled district in Perak' sebagai di Dinding atau di tebing Sungai Beruas (Braddell, 1939: 182). Pendapat-pendapat di atas membuktikan betapa banyaknya hipotesis yang telah dibuat mengenai kerajaan purba ini.

Tulisan Ptolemy sendiri menyatakan lokasi 'Kokonagara' adalah di daerah 160° timur dan 2° ke utara,<sup>4</sup> berbanding dengan lokasi negeri Perak seperti yang disebut oleh Mc Nair (1972) sebagai 'Argusa' oleh Ptolemy dalam bukunya 'Perak and the Malays' yang letaknya di antara garisan lintang 3° 37' Utara 6° 05' Utara, dan garisan bujur di antara 100° 03', 101° 15' ke Timur. Kalau kita merujuk peta yang ada pada hari ini dan menyesuaikannya dengan perangkaan yang diberikan oleh Ptolemy itu maka kita dapati tempat tersebut adalah terletak bukan di Semenanjung Tanah Melayu tetapi di kawasan jauh ke Timur iaitu di Semenanjung Kamchatka. Persoalannya adakah orang-orang Iskandariah atau pun Yunani boleh atau telah sampai ke daerah tersebut. Bagaimanapun dalam hal ini Wheatley (1966 : 142) telah menerangkan bahawa:

*"the principal cause of this failure to elucidate the Ptolemaic enigma was an erroneous conception of value of the latitudes and longitudes, which were treated as scientifically acquired facts. On the contrary the Ptolemaic co-ordinates could not have been based on astronomical observation. In ancient world latitudes were obtained by measuring either the latitudes of Polaris or the duration of the longest day. Within the frontiers of the Roman Empire such observations may have been fairly frequent, but beyond the times they could hardly have existed at all...."*

Yang demikian penggunaan garisan lintang dan garisan bujur yang dicatatkan oleh Ptolemy itu tidaklah dapat digunakan dengan merujuk peta-peta pada masa ini. Namun begitu kita agak bernasib baik kerana Ptolemy ada menyertakan lakaran peta kawasan Semenanjung Tanah Melayu ini.<sup>5</sup> Dengan nama 'Kocognagara' terparap dipermukaan tersebut maka nyatalah kepada kita bahawa tempat yang namanya diperkatakan itu sebenarnya adalah terletak di Tanah Melayu ini.

### Gambaran dari Sejarah Melayu

Untuk menentukan dengan tepat dan sahnya lokasi Gangga Negara atau Beruas itu maka perlulah kita teliti petikan ayat-ayat dari *Sejarah Melayu* yang menegaskan tentang serangan "Raja Suran", yang menyatakan bahawa

4 Untuk keterangan lanjut lihat P. Wheatley, "The Golden Khersonese", Bab X, dan Braddell, 1939, hlm. 178 - 179.

5 Adalah diragukan sama ada Ptolemy sendiri melukiskan peta dalam lampiran ini atau dilakar kemudiannya.


".... setelah beberapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri, *Gangga Negara* namanya, *Raja Shah Johan* nama rajanya. Adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga, ada sekarang kotanya di darat Dinding kesana Perak sedikit...."<sup>6</sup>

Rangkap itu menjelaskan bahawa *Gangga Negara* tersebut adalah terletak di kawasan *ke darat* Dinding, di dalam negeri Perak. "Negeri" kerajaan ini (atau pun letak istana rajanya) adalah jelas diberitahu oleh *Sejarah Melayu*, iaitu bertempat di atas sebuah bukit. Persoalannya kenapa mesti kerajaan itu terletak di atas bukit? Mengikut Puan Zaharah (1970 : 88) orang-orang Melayu tradisional itu memberi penekanan kepada kepentingan-kepentingan seperti, '*political strategy, beliefs and superstitions contributes to the final choices of areas of traditional settlements*'. Dari segi kepercayaan, terdinya kerajaan *Gangga Negara* di atas bukit seperti yang dinyatakan oleh *Sejarah Melayu* itu menjelaskan kepercayaan yang dianuti oleh sekurang-kurangnya orang-orang Melayu di zaman Hindu, iaitu di atas bukit atau gunung yang dianggap sebagai tempat-tempat yang suci. Dari segi strategi pula lokasi seperti di atas bukit itu sudah pasti penting dan lebih selamat. Disamping itu kemungkinan juga di atas bukit sahajalah kerajaan ini dapat terselamat dari banjir yang berpunca dari Sungai Perak, yang ketika itu mengalir melalui Sungai Dinding atau pun selatan Sungai Dinding (Aliran I dan II — lihat peta 3). Dalam pada itu perlu juga diingat mengenai sumber makanan penduduk negeri ini. Besar kemungkinan makanan utama orang di situ ialah nasi. Dan barangan ini telah diimport dari India atau negeri dari utara, bagi menampung hasil-hasil keluaran padi-padi bukit yang sudah pasti telah pun diamalkan oleh penduduk-penduduk pada masa itu. Walaupun pernah dikatakan bahawa bercucuk tanam setempat terutamanya padi sawah telah mula di usaha oleh penduduk-penduduk tempatan pada abad yang ke-10, (Zaharah Mahmud, 1970 : 92) namun begitu ia tidak menolak kemungkinan bahawa pertanian secara padi bukit tidak dijalankan langsung.

Berdasarkan cerita-cerita lisan *Gangga Negara* terletak di kawasan yang meliputi Pengkalan Baharu dan Beruas, di dalam Jajahan Dinding.<sup>7</sup> Walaubagaimana pun tempat yang pasti kerajaan ini masih belum dapat di pastikan tanpa sebarang kesan-kesan atau pun artefak-artefak. Namun begitu setelah dikaji jumpaan-jumpaan setakat ini dan dikaitkan dengan faktor-faktor geografi dapat di anggar bahawa lokasi kerajaan tersebut bukanlah di Pengkalan Baharu

6 Untuk kajian ini kami menggunakan, *Sejarah Melayu*, Edisi Shellabear, 1967, hlm. 10 - 11.

7 Lihat lampiran peta II, dalam Latihan Ilmiah, Abdul Hamid Zamburi, 1973.



Peta 3. Kawasan menunjukkan Aliran Sungai Perak.

ataupun di Bukit Kota sepertimana yang dikatakan oleh masyarakat tempatan tetapi terletak di sebelah "darat" dari kawasan itu. Anggaran ini dibuat setelah kami mengkaji pendapat-pendapat yang diutarakan oleh Puan Zaharah, Koopmans, Wales dan lain-lain lagi.

### **Aliran-aliran Sungai Perak**

Dari kajian Koopmans mengenai aliran Sungai Perak, kita dapati bahawa aliran sekarang ini adalah berbeza dengan yang dahulunya. Berpandukan kajian '*geo-hydrological survey*' yang dijalankan oleh beliau jelaslah pentingnya kedudukan kerajaan Beruas atau pun Gangga Negara dari kaca mata sejarah. Bagaimanapun kesulitan timbul bagi menentukan tarikh dari satu peringkat ke satu peringkat aliran sungai tersebut seperti yang telah dihuraikan oleh Koopmans itu. Dan untuk menentukan aliran I itulah tarikh mulanya kepentingan Beruas dalam sejarah juga, sukar kerana proses perubahan aliran sungai tersebut bukanlah memakan masa yang pendek bahkan beratus-ratus tahun. Namun begitu beberapa kemungkinan boleh dikemukakan berdasarkan beberapa faktor ilmu alam mengenai perubahan sungai tersebut. Pertamanya ialah kemungkinan beberapa banjir yang besar telah berlaku dan ini tidaklah dapat dihindarkan dari pengetahuan kita kerana sejak dahulu lagi telah diketahui bahawa Sungai Perak ini terkenal dengan landasan banjirnya. Pada abad kedua puluhan ini satu daripada banjir besar telah berlaku pada tahun 1926. Kegiatan melombong turut juga mempengaruhi perubahan aliran sungai ini. Sebagai contoh pada abad kedua puluh ini kita dapat menyaksikan betapa terkejutnya penduduk-penduduk Kuala Kubu tentang perubahan aliran Sungai Selangor dari bandar mereka (Wales, 1940: 49). Oleh yang demikian akibat-akibat dari kegiatan perlombongan yang aktif dijalankan di kawasan-kawasan perlombongan bijih timah (mungkin juga emas dan perak) yang menyebabkan terjadinya endapan dan keladak, proses perlombongan tersebut boleh mempercepatkan perubahan aliran sungai itu. Oleh itu apa yang diperkatakan oleh Quaritch-Wales:

*"... it is well-known that almost within living memory the Sungai Perak entered the sea much further to the north at the quest inlet now known as Sungai Dinding"*

ada logiknya.<sup>8</sup>

Perlu diingat bahawa natijah dari banjir dan faktor alam yang lain mengakibatkan perubahan aliran sungai. Ia juga mengakibatkan perubahan penduduk yang kehidupannya pada ketika itu amat

<sup>8</sup> Lihat Wales, 1940, hlm. 48. Perlu diingat bahawa hipotesis yang dibuat oleh Wales pada tahun 1940 itu terbukti benar seperti yang dikaji oleh Koopmans pada tahun 1964.

bergantung kepada sungai. Dalam hal ini tidak semestinya penduduk-penduduk itu mengarah ke selatan, oleh kerana arah ke selatan Dinding kita dapati daerah itu masih lagi diliputi oleh paya dan rawa. Oleh itu besar kemungkinan mereka berpindah mengarah ke timur laut atau pun ke ulu sungai itu. Dengan itu tidaklah diragukan lagi kenapa artefak-artefak seperti yang diutarakan oleh Wales (1940: 50) dijumpai di kawasan-kawasan seperti di Sungai Siput, Pengkalan (Ipoh), Tanjung Rambutan dan Bidor.

Dato' Douglas yang menulis kepada Braddell mengenai pertukaran aliran Sungai Perak mengatakan bahawa:

*".... from Dindings to the present channel and in doing so collected the Kinta, Batang Padang, Bidor and Sungkai rivers, which I think all were part of the Bernam water-shed at one time."*

Winstedt dan Wilkinson (1934 : 143) menulis

*".... to anyone who knows the district it will be evident that in old days communication was easy between Changkat Menteri, Bernam area, Slim and Sungkai and even to Batang Padang and Kinta Districts"*.

Kedua-dua kenyataan ini memperlihatkan mudahnya perhubungan di antara tempat-tempat yang disebutkan. Oleh itu tidaklah menghairankan kerajaan ini telah menjadi tempat tumpuan pedagang-pedagang dan oleh kerana ia adalah merupakan pusat tumpuan orang-orang di Semenanjung disebabkan kemudahan perhubungan dengan Kinta, Batang Padang, Bidor dan Sungkai, Changkat Menteri dan Ulu Jelai seperti yang dikatakan oleh Noone.<sup>9</sup> Dengan itu tidaklah dapat dinafikan bahawa telah ada hubungan di antara Gangga Negara dengan Kinta, Bidor dan Batang Padang di mana telah dijumpai arca atau patung-patung Buddha. Besar kemungkinan juga tempat-tempat tersebut bukan setakat berhubung bahkan merupakan jajahan takluk Gangga Negara sendiri.

Dengan kenyataan tersebut bolehlah dikatakan bahawa kerajaan yang bernama Gangga Negara atau Beruas itu luas kewasannya sama keadaannya dengan empayar Srivijaya atau Langkasuka yang dikaji oleh Moens (1939). Dari alasan di atas kita boleh membuat andaian iaitu pada peringkat awalnya kerajaan Gangga Negara terletak di kawasan Sungai Dinding (aliran I — Koopmans) iaitu mungkin di daerah selatan Gunung Bubu, di tebing Sungai Dinding. Kemudian kerajaan ini berpindah pula ke kawasan Sungai Siput atau pun di daerah Tanjung Rambutan akibat dari kesan perubahan aliran sungai yang diperkatakan tadi.

<sup>9</sup> Komen beliau itu dapat dilihat dalam Braddell, 1947, him. 173.

Sebelum itu elok kita kaji tentang kepercayaan tempatan mengenai Gangga Negara itu. Dalam menentukan tapak sesebuah kerajaan purba tidak semestinya pandangan kita harus bertumpu ke atas satu-satu tempat sahaja. Kerana berbagai-bagai faktor boleh melibatkan sesuatu kerajaan berubah-ubah di sekitar kawasan yang luas. Berkaitan dengan kerajaan Beruas ini kita dengar cerita mengenai Kota Kulit Kerang.

### **Kota Kulit Kerang**

'Kota Kulit Kerang' yang dipercayai oleh penduduk-penduduk tempatan sebagai kota yang ada hubungkaitnya dengan kerajaan tua daerah ini terletak di Kampung Kota Kulit Kerang, Pengkalan Baharu, daerah Dinding. Mengikut kajian Encik Abd. Hamid Zamburi (1973), panjang kota tersebut adalah lebih kurang  $\frac{3}{4}$  batu, dan kota ini adalah menghadap arah laut. Mengenai ketinggian kota tersebut "... orang disebelahnya kalau berdiri tidak dapat dilihat...". Ini bermakna kota tersebut tingginya di antara tujuh kaki ke lapan kaki. Semasa kecil-kecil lagi, Encik Bulat (informan Encik Abd. Hamid Zamburi) mengatakan bahawa beliau biasa berlari-lari di atas kota tersebut. Ini menunjukkan lebar kota itu adalah lebih kurang antara 1 hingga ke 1.3 meter. Diberitakan bahawa kesemua bahagian kota tersebut adalah dibuat daripada kulit kerang. Lantaran itu orang-orang di daerah itu menamakan kota itu sebagai 'Kota Kulit Kerang'.

Semasa berkunjung ke tempat itu pada tahun 1972 Encik Abd. Hamid mendapati kota tersebut tidak lagi kelihatan. Apa yang tinggal hanyalah bekas-bekasnya sahaja. Kemusnahan kota tersebut, mengikut Encik Bulat disebabkan oleh pembukaan Pulau Pinang. Kulit-kulit kerang yang terdapat pada kota tersebut telah di bawa ke Pulau Pinang dengan tongkang-tongkang Cina untuk dibuat kapur. Cukai yang dikenakan oleh Penghulu Nordin iaitu penghulu kawasan tersebut pada ketika itu, ke atas sesebuah tongkang itu ialah "lima kupang sahaja".

Winstedt (1922: 41) juga ada menyebut cerita tentang Kota Kulit Kerang ini. Begitu juga Mc Nair (1972 : 23-24) juga ada menyebut kota ini dalam laporannya:

*"... Fossils are rarely found, but at the mouth of one of the rivers there are very curious deposits of the ordinary cockle-shell, raised up into heaps many feet high, and looking as if they had been left there by the action of some eddy, though when and how, it is impossible to say, for they lie high and dry upon the shore".*

Dengan ini jelaslah bahawa apa yang diceritakan oleh Encik Bulat itu adalah benar seperti yang disokong oleh catatan-catatan Winstedt

dan Mc Nair. Dalam pada itu Wales (1940: 83), menyebut bahawa keadaan membuat benteng dari kulit kerang ada juga tersebut di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Jelasnya, perintah telah diberikan oleh raja untuk mendirikan tembok dari kulit-kulit kerang di Srokam.

Walaubagaimana pun mengikut Pak Hashim (seorang lagi informan Encik Abd. Hamid) Gangga Negara terletak di Kampung Kota, tempat tinggal beliau. Menurut beliau lagi rumah beliau itu adalah di dalam kawasan 'kota' kerajaan Gangga Negara. Sehubungan itu, setelah diselidiki kawasan yang meliputi kampung tersebut adalah di dapati ada beberapa kubur orang-orang Islam yang dipasangkan dengan batu-batu nesan jenis batu 'Aceh'.<sup>10</sup> Besar kemungkinan kampung tersebut telah wujud pada kurun yang lebih terkemudian dari zaman kerajaan Gangga Negara. Jumpaan-jumpaan lain di tempat itu ialah guri dan besi. Mungkin tempat ini telah didiami sejak abad yang ke-12 Masihi dan tidak awal dari tarikh tersebut. Seterusnya Encik Hashim mengatakan bahawa 'kota kulit kerang' di atas tadi asalnya dari Kampung Kota tetapi disebabkan banjir besar maka kota (yang 1.2 kilometer itu) telah hanyut ke Pengkalan Baharu. Sebagai ingatan timbunan kulit kerang telah ditemui juga di Pulau Kelumpang berdekatan dengan Pulau Hantu berhampiran dengan Matang dan di Kuala Selinsing.<sup>11</sup>

Sungai Dinding (aliran I) pada zaman Gangga Negara menjadi sungai yang penting. Tiap-tiap kawasan yang sebelah menyebelah tebing Sungai Dinding atau Beruas itu sudah pasti menjadi takluk kepada kerajaan ini. Dengan ini segala kegiatan perdagangan dan hasil mahsul yang keluar masuk dari pelabuhannya dapat dikawal dan pengutipan cukai juga telah dijalankan bagi menambah hasil pendapatan negara tersebut.

Ini bermakna kerajaan '*Kokonagara*' yang tersebut di dalam senarai nama-nama tempat dalam peta Ptolemy itu seharusnya sebuah tempat yang penting dari segi perniagaan dan perdagangan sama ada kerana bahan-bahan galian, hasil keluaran hutan atau pun barang-barang yang diimport seperti dari negeri China, kemudian dieksport pula ke negara-negara Timur Tengah atau pun India. Oleh itu bolehlah dikatakan negara ini menjalankan kegiatan perdagangan antarabangsa. Dengan perkataan-perkataan lain Gangga Negara telah menjadi sebuah negara yang terpenting di Nusantara ini semasa Ptolemy menyusun bukunya.

Disebabkan faktor-faktor alam maka adalah wajar kerajaan tersebut terletak di atas bukit. Bukit yang dimaksudkan itu, seperti

<sup>10</sup> Lihat Lampiran A buku ini.

<sup>11</sup> Untuk kajian yang mutakhir mengenai Kuala Selinsing, lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (1990).

yang telah dikatakan tadi, dengan berpandu kepada *Sejarah Melayu* besar kemungkinannya terletak dileheng Gunung Bubu berhampiran dengan Sungai Dendang yang pada masa itu telah ditawan oleh Sungai Dinding dan Sungai Perak. Oleh itu, untuk turun ke pelabuhan, seseorang itu terpaksa menghilir Sungai Dendang dan Sungai Dinding tersebut. Kini jarak jauh dari Kampung Kota ke Pengkalan Baharu ialah 24 kilometer mengikut jalanraya.

Sehubungan itu Sir Frank Swettenham melaporkan pada tahun 1874 mengenai kisah perjalanan beliau ke kawasan Dinding. Mengikut Swettenham beliau pernah mudik ke hulu Sungai Segari hingga sejauh 4.8 kilometer, dengan menggunakan 'steamer'. Dari laporan beliau itu dapatlah kita mengetahui bahawa pada satu abad yang lampau Swettenham dapat mudik Sungai Segari sejauh 4.8 kilometer. Tetapi pada masa itu bentuk kapal yang dimaksudkan oleh Swettenham itu tidak mungkin dapat menghulu ke perenggan 3.2 kilometer dari kuala sungai. Ini menunjukkan bukan sahaja Sungai Segari bahkan sungai-sungai yang lainnya yang berdekatan juga menerima akibat yang sama iaitu bencana mendapan. Kajian Koopmans (1964) mengenai perubahan aliran Sungai Perak menjelaskan kebenaran kenyataan tersebut.

Merujuk peta yang beliau lampirkan beliau menyatakan bahawa dari sudut 'geomorphological', sistem aliran Sungai Perak menunjukkan bahawa aliran III, IV dan V itu merupakan aliran yang lebih muda dari bekas-bekas aliran I dan II. Beliau memberitahu bahawa:

*"the latter two are less prominent than the first three which still show clearly depressed valleys are of the order of 1 to 3 m. high whereas in the older valleys the banks are flattened and barely discernible.... In particular north of Kuala Jarum Mas, the area had changed considerably in last 80 years ....". (hal. 180-183)*

Menurut peta-peta lama, Kampung Pantai Remis yang ke barat Beruas adalah terletak di kawasan pantai, tetapi hari ini ianya terletak jauh ke darat terpisah dari laut lebih kurang 1,000 meter oleh hutan bakau dan redang. Sungai Beruas pada hari ini mengalir dari Beruas mengarah hala barat ke Pengkalan Baharu, dari situ mengarah ke selatan pula. Ianya berliku-liku melalui hutan bakau dan redang dan mengalir terus ke arah Tenggara – Selatan dari Pantai Remis. Pada tahun 1879, kuala sungai ini terletak di utara Pantai Remis. Kedua-dua ciri ini menunjukkan bahawa pelandaan (*encroachment*) hutan bakau ke atas kawasan laut mungkin besar. Adalah dianggarkan bahawa di kawasan ini lebih kurang 1 kilometer dalam masa 80 tahun adalah hampir dengan perangkaan yang telah




diberikan oleh Linehan (Braddell, 1930 - 40) yang mengatakan 800 meter dalam 50 tahun. Linehan (Koopmans, 1964 : 183), membuat kajian semasa beliau menjalankan siasatan ke atas hutan bakau dan redang di sepanjang pantai di antara Perak dengan Seberang Prai.

Peta Asia Tenggara yang dilakar oleh Tassin pada tahun 1840 adalah sebuah lakar yang terakhir menunjukkan hubungan Perak dengan Sungai Beruas, yang membentuk '*Island of Perac*'. Pulau ini juga dikenali sebagai Pulau '*Perac*', '*Perch*' atau Pulau '*Perach*', terdapat pada semua peta kecuali peta Kpt. Thomas Forest yang telah dikeluarkan dalam tahun 1792 (Peta 5). Bandar Perak, kalau mengikut peta Tassin terletak berdekatan dengan kuala Sungai Perak sepanjang tebing selatannya. Di dalam peta yang lebih awal bandar ini didapati terletak jauh dari darat, berdekatan dengan pertemuan di antara Sungai Perak dengan Sungai Kinta sekarang ini. Di dalam '*Plan of Perak River*' (Forest, 1792), didapati tempat ini di tunjukkan sebagai tempat di mana '*The King of Pera Lives*'. Kelihatan tempat ini terletak ke utara Kota Belanda, yang telah didirikan pada tahun 1643 dan masih lagi dapat dilihat di daerah tersebut. Peta-peta lama seperti yang telah dilakar oleh Mannevillette pada 1752 (Peta 4), L. Philippe d' Orleans (1752), Mount dan Page (1750), Mortier (1740), Francois Valentijn (1726) dan Blaeu (1667) ada menunjukkan hubungan antara Sungai Beruas dengan Sungai Perak, di mana didapati telah membentuk '*Island of Perac*', serta dengan beberapa buah pulau lain yang berasingan dibentuk dengan jalinan Sungai Perak di kualitasnya. Ini dapat menjelaskan dengan nyata sekali bahawa sekurang-kurangnya pada abad yang ke-17 dan 18 Masihi Sungai Beruas dan Sungai Perak telah digambarkan sebagai bercantum. Oleh itu dapat dilihat bahawa sekurang-kurangnya dalam aliran I Peta Koopmans (atau pun setidak-tidak pada aliran ke-II) masih wujud pada abad yang telah dinyatakan itu.


Selain dari itu di beberapa peta ini ada menyebut tentang dalamnya Sungai Dinding (sungai yang ke selatan Beruas). Mengikut peta-peta tersebut terusan (*channel*) kawasan ini masih lagi digunakan oleh pelaut. Mengikut Koopmans, di dalam peta Forrest (1792) 'Pulau Perac' tidak ada disebutkan. Mengikut beliau:

".... it will be demonstrated later that this island in fact did not exist any longer during that time."

Oleh yang demikian berdasarkan peta Forrest tahun 1792, boleh dibuat satu andaian bahawa pada akhir abad ke-18 Masihi, aliran Sungai Perak telah kelihatan berubah. Dengan itu juga bermakna kepudaran kerajaan Beruas yang 'lama' telah mulai kelihatan dan menjadi kenyataan dengan pertukaran aliran sungai tersebut.



Peta 4. Peta Mannevillette pada tahun 1752 menunjukkan Pulau Perak (Pulo Perach).



Peta 5. Peta Forrest tahun 1792.  
(Dipetik dari JMBRAS, Jld. 37, Bhg. II)

Tome Pires dalam bukunya *Suma Oriental* telah menyebutkan tentang *Baruaz* (Beruas) yang terletak pada  $4^{\circ} 28'$  garis lintang utara. Mengikuti Armando Cortesao, Pinto menyebutkan pada 1544 Beruas sebagai '*Barruhas*'. Di dalam peta Homen (1554) kita diberitahu yang Beruas itu adalah di antara *Pemdam* (Pulau Pinang) dengan Pulo Sembilam (Sembilan). Peta Sonson d' Abbeville (1615), peta Dourado, Eredia dan Janssonius (1658) juga ada menunjukkan bandar Beruas itu. Mengikuti '*Malacca Straits Pilot*' (Koopmans 1964 : 185):

*"Sungai Beruas is a small river fronted by the mudbank extending from 5 to 9 miles off-shore"*.

Tetapi keadaan ini masih membolehkan lagi perahu-perahu memasukinya hingga sejauh 96 kilometer. Ini bermakna Beruas masih lagi penting pada abad keenam belas. Tetapi pada abad ketujuh belas kelihatan sungainya telah menjadi cetek dan ini menyebabkan Beruas hilang kepentingannya.

Dengan mengkaji gambar-gambar yang diambil dari udara, kita akan dapati betapa jelasnya aliran sungai sepanjang Kampung Dendang yang mana terdapat alur yang besar. Dengan ini mengikut Koopmans, ada kemungkinan besar bagi '*sea going vessels*' dapat berlabuh berhampiran dengan tempat tersebut. Tetapi dari penyelidikan B.A.V. Peacock, setelah menjalankan kajian, beliau tidak mendapati sebarang tanda-tanda yang menunjukkan keadaan yang demikian di tempat tersebut. Selain dari itu di tenggara Beruas, bekas-bekas pelabuhan telah dapat dikesan oleh Koopmans dengan melihat gambar-gambar dari udara. Mungkinkah di sini letaknya pelabuhan kerajaan Gangga Negara? Walaubagaimana pun, andaian boleh dibuat dari apa yang telah dipercayai oleh Koopmans. Ini disebabkan antara Kampung Pulau Meranti dengan Kampung Gelong terdapat beberapa cabang kuala Sungai Dinding yang telah kering. Satu daripada terusan tersebut menunjukkan 'bentuk U' dihujungnya, menyerupai sudut, seperti ditambah dan menyerupai buatan manusia (grid ref. 505597). Ini mungkin telah digali dan digunakan sebagai tempat pelabuhan. Dari jumpaan ini dapat diandaikan bahawa pada peringkat yang kedua, sebuah pelabuhan lagi (sekurang-kurangnya) telah dibuat bagi kegunaan kerajaan yang telah berpindah tempat dari tebing Sungai Dendang telah berpindah ke tebing Sungai Dinding.

Dengan demikian dapatlah diketahui bahawa Sungai Beruas dan Dinding sekarang ini sebenarnya pada masa lampau sebuah sungai besar dan penting. Akibat dari beberapa faktor, selain dari yang dihuraikan di atas, maka kita telah mengetahui bahawa pesisir pantai

negeri (Perak) ini telah meluas ke-30 meter. Ini dapat dijelaskan dari aliran kewujudan sungai-sungai seperti yang dikaji oleh Koopmans. Tidak beberapa lama dahulu galian telah dijalankan hingga sedalam 30 meter di Matang, lebih kurang 12.4 kilometer dari Sungai Larut. Dari galian-galian ini ada kesan-kesan yang menunjukkan bahawa tidak beberapa lama dahulu satu pertukaran muka bumi kawasan itu telah berlaku. Mengikut Belfield:

*"the ground at that place is 6 feet above the present high-water mark. Down to a depth of 17 feet from the level, the formation is marine, below that, beds of sand, clays and gravels, with leaf bands and pieces of wood are met with, of the same nature as the drift near the hills, and containing a small quantity of fine tin-sand: these beds extend down to a depth of 105 feet and probably much further"*.

Sekiranya pada peringkat 7 meter yang mula-mula itu terdapat beberapa tinggalan laut, yang mana kesemuanya adalah bersamaan dengan apa yang terdapat pada masa ini dipantai-pantai maka ini menjelaskan keadaan-keadaan perubahan muka bumi di daerah itu (Merewether, 1891 : 43). Dengan itu juga jelaslah bahawa sekurang-kurangnya kawasan itu telah ditimbun dan meninggi sebanyak 7 meter.

Mengikut Merewether, Sungai Dinding boleh dimasuki oleh kapal-kapal besar pada pertengahan abad yang ketujuh belas Masihi sejauh tiga puluh tiga kilometer dari kualitasnya, melalui Sungai Segari. Ini menunjukkan bahawa pada masa itu sungai tersebut sangat dalam hingga membolehkan kapal-kapal besar berulang-alik melalui sungai tersebut. Surat Residen Meyer kepada Gabenor de Bruijn, bertarikh 26 Julai dan 13 September 1780 ada menyebut tentang kecetekan Sungai Beruas pada masa itu.<sup>12</sup> Ini sebenarnya terjadi pada abad yang ke-17 dan 18 Masihi. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa sebelum abad yang ke-16, Sungai Beruas dan sungai-sungai yang berhampiran adalah dalam dan boleh dilalui oleh kapal. Manakala pada abad yang selepas itu hinggalah ke abad yang ke-18 Masihi "sungai aliran II" mungkin pula menjadi penting dan boleh dilalui oleh 'large vessel' seperti yang dikatakan oleh Merewether. Dan kecetekan Sungai Dinding pula terjadi pada abad yang ke-19 seperti yang telah dilaporkan oleh Swettenham pada tahun 1874.

Perubahan turun naiknya paras air sungai ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap sesuatu 'settlement', tambahan lagi pada zaman yang sangat-sangat mementingkannya sebagai satu sumber perhubungan selain dari sumber keperluan harian seperti

<sup>12</sup> Lihat Residen Meyer kepada Gb. de Bruijn ... Kolonial Archief (The Hague) K. A. 349 Overgetiomend Brieven - 1782.

ikan, airnya dan untuk aliran perdagangan. Kerana pentingnya sesuatu sungai itu maka perubahannya juga menyebabkan perubahan 'settlement'. Yang demikian dapatlah dimengertikan kenapa barang-barang purba yang dibicarakan dan dikaji oleh Q. Wales (1940: 50), terdapat berselerak di negeri Perak.

Berdasarkan cerita-cerita lisan perpindahan berlaku dalam proses yang perlahan-lahan iaitu dari Beruas ke Temong, ke Teja (Ipoh), ke Sayong dan sebagainya. Tetapi setelah diselidiki perpindahan hanya berlaku pada abad ke-16 Masihi, iaitu selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Tidak adanya catatan-catatan khas menyebabkan agak sukar bagi menentukan tarikh perpindahan tersebut. Sementara itu perlu diingat bahawa sesuatu perpindahan itu bukanlah dibuat secara mengejut, tetapi dengan cara beransur-ansur. Ini jelas digambarkan dengan adanya pertalian di antara 'keluarga raja' di Beruas dengan yang di Teja (Ipoh).<sup>13</sup> Ini bermakna "mobiliti" penduduk sebenarnya wujud.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kerajaan Gangga Negara atau Beruas itu meliputi bukan sahaja Beruas sekarang ini, bahkan daerah-daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Dinding. Oleh itu gabungan pendapat Linehan dan Coedes jika disatukan adalah lebih munasabah lagi dalam menetapkan lokasi kerajaan Gangga Negara ini. Sementara itu 'Bukit' yang dimaksudkan oleh *Sejarah Melayu* itu mungkin terletak berhampiran dengan Gunung Bubu di tebing Sungai Dendang yang ditawan oleh Sungai Beruas dan Sungai Perak mengikut aliran pertama yang dikatakan oleh Koopmans itu. Tarikh wujudnya kerajaan ini tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat, tetapi besar kemungkinan ianya telah wujud pada abad kedua tahun Masihi berdasarkan tarikh penyusunan catatan Ptolemy yang telah disiapkan pada tahun 150 Masihi itu.

<sup>13</sup> Lihat R.O. Winsted, "A Perak Dynastic Legend B" *JMBRAS*, Jld. XII, hlm. 122. Juga berdasarkan temuramah Ericik Abd. Hamid Zamhuri dengan Hajah Zubaidah.

### GEOMORFOLOGI BERUAS KINI

Dalam usaha untuk mendapatkan gambaran sebenar geomorfologi atau keadaan bentuk muka bumi terkini Beruas satu pasukan penyelidik yang diketuai oleh Encik Zainol bin Haji Hussin dari Jabatan Kajibumi, Ipoh telah menjalankan kajian di Beruas pada 25 November hingga 15 Disember 1991 untuk memastikan sama ada apa yang diuraikan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu itu tepat atau tidak.

Menurut Zainol sekitaran fizikal semulajadi biasanya mudah mempengaruhi dalam merubah manusia itu sendiri dari masa kesemasa. Dalam hubungan ini bentuk permukaan bumi diberi perhatian sebagai faktor utama yang mempengaruhi aktiviti manusia dan warisan kebudayaan. Setiap tempat di permukaan bumi mempunyai sifat yang tersendiri dalam menentukan pelbagai proses, struktur geomorf (*geomorphic*) dan rangkaian bahan-bahan melalui pusingan period. Akibat dari proses geomorf maka terbitlah bentuk rupabumi seperti pamah, pasang surut (*tidal flats*), permatang pantai (*beach ridges*) lembah sungai serta tetambak semulajadi (*natural levee*). Struktur di atas dipilih sebagai lokasi yang sesuai dari segi kelebihan fizikalnya. Pemilihan lokasi tersebut dalam pembinaan petempatan tempat-tempat tapak purba seperti di sungai dan laut biasanya mempunyai hubungkait dengan jalan keluar masuk yang menggunakan air sebagai jalan laluan utama.

Di samping tempat-tempat ini sesuai sebagai punca pendapatan seperti ikan dan ianya juga sesuai menghadapi bencana alam seperti banjir besar, ribut atau taufan dan perlindungan dari ancaman musuh. Di kawasan dataran banjir dan dataran pantai pula subur untuk tanaman padi yang merupakan tanaman utama bagi penduduk kawasan di rantau ini. Oleh yang demikian kedudukan petempatan yang sedia ada dan yang ditemui mempunyai kaitan dengan bentuk fizikal mukabumi atau pengkelasan tanah.

Sebenarnya struktur morfologi amat menarik dan penting dalam menentukan kewujudan tapak-tapak purba disamping keterangan yang sedia ada dan berkemungkinan tapak tersebut telah mengalami proses morfologi seperti hakisan, tebusguna dan penimbunan semulajadi atau buatan serta kesan geologi kawasan setempat.

Oleh yang demikian beberapa teknik geomorfologi telah digunakan dalam membantu kerja-kerja ahli arkeologi seperti kajian interpretasi gambar udara, kajian stratigrafi sedimen berusia kuaterner, perubahan aras laut semasa, aras laut purba, perubahan pantai purba dan garis pantai purba.


Menurut Zainol lagi objektif penyelidikan yang dijalankan oleh pasukannya ialah untuk mengkaji sejarah pembentukan muka bumi berusia Pleistosen hingga Holosen Daerah Marjung dengan menumpukan soal perubahan garis pantai, alur sungai purba serta geomorfologi yang berkaitan. Objektif lain adalah bertujuan: bagi mendapatkan data tentang potensi kawasan untuk dijalankan galicari; mendapatkan satu keratan rentas stratigrafi sedimen berusia kuaterner; mendapatkan struktur morfologi kawasan Beruas dan kaitannya dengan aras laut purba, membantu bagi mendapatkan maklumat tentang tinggalan kebudayaan silam dari segi kronologi relatif; dan menghubungkan kewujudan tapak purba dengan pembentukan morfologi dan menghubungkan garis pantai purba dengan aras laut purba di daerah ini dengan Semenanjung keseluruhannya.

Beberapa kaedah penyiasatan dalam projek penelitian ini lebih tertumpu kepada kajian gambar udara dan di lapangan. Persempelan sedimen kuaterner dapat membantu kajian morfologi kawasan ini. Ianya merupakan asas interpretasi sejarah Beruas dari kacamata morfologi dan geologi serta alam semulajadi.

Segala bukti sampel, sifat-sifat rupa bumi dan struktur semulajadi alam yang dikumpul adalah berfaedah dalam mentakrifkan geomorfologi kawasan dan menjadi asas kepada pencerapan arkeologi.

Penelitian lokasi untuk cerapan akan datang adalah diasaskan kepada morfologi yang mana kaitannya dengan bentuk muka bumi dan sekitaran geografi yang merupakan faktor kepada penemuan tinggalan kebudayaan Gangga Negara dan Kerajaan Beruas.

Teknik cerapan yang digunakan adalah melibatkan interpretasi gambar udara berwarna hitam putih berskala 1: 30,000 yang diambil pada tahun 1966 dan peta topo syit 52 (Beruas) dan syit 53 (Batu Gajah) berskala 1: 63360 iaitu satu inci satu batu bersiri L 7010, edisi 1-PPNM tahun 1972. Kedua-dua interpretasi di atas dapat melahirkan satu peta geomorfologi (Rajah 1) bagi kawasan daerah Marjung. Data-



Rajah 1: Interpretasi Fotoudara Kawasan Sungai Beruas dan Lembangannya.



data tentang aras laut purba lebih membantu penempatan yang lebih munasabah. Persampelan sedimen kuaterner telah dijalankan selama 10 hari dengan menggunakan auger tangan 'guts' dan Van Der Staay (Gambar 22). Laporan terperinci makmal tidak dikemukakan di sini kerana kesuntukan masa dan beberapa masalah teknik yang lain.

Maklumat dari gambar udara kawasan Sungai Beruas di mana gambar ini telah dirakamkan pada tahun 1966 telah menunjukkan gambaran morfologi kawasan tersebut adalah landai di bahagian barat dan perbukitan tinggi di utara dan timur Sungai Beruas.


Tujuan utama dalam interpretasi ini ialah untuk menentukan kehadiran jujukan perubahan alur-alur sungai purba, genesis sungai dan genesis marin (Lautan), dan struktur kelurusan dan permatang semulajadi dan buatan serta litologi endapan kuaterner.

Rajah 1 menunjukkan gambaran sebenar struktur morfologi dikawasan Beruas dari interpretasi gambar udara tahun 1966 berskala 1: 30,000. Sebanyak 3 garis laluan penerbangan dengan sejumlah 47 keping gambar udara telah diteliti:-

No. filem	No. gambar udara
C - 8	10 - 20 dan 145 - 153
C - 11	57 - 66 dan 114 - 122
C - 17	68 - 76



22. Kerja Gerudian Lubang Cetek dengan menggunakan Auger Tangan 'Guts'.



Rajah 2: Peta Geologi Kuaterner dan Lokasi Lubang Gerudi Kawasan Beruas (selepas Suntharalingam 1987) Geologi Kuaterner.

Interpretasi jelas menunjukkan kawasan Sungai Beruas dan sekitarnya telah dimajukan terutamanya disekitar Sungai Beruas, kawasan tanah rendah dan pinggir bukit. Jalan utama Beruas — Pantai Remis merupakan perhubungan utama. Sungai Beruas yang bermula dari ketinggian 1,000 meter menganjur sejauh lebih kurang 40 kilometer ke Selat Melaka secara timur-barat. Kawasan selatan Sungai Beruas masih ditutupi hutan tebal, sedangkan sekarang ianya telah ditebusguna untuk tanaman kelapa sawit milik Ladang United International Enterprise (M) Sdn. Bhd. (UIE).

Alur-alur sungai purba banyak dikenalpasti telah wujud sekitar Pengkalan Baharu hingga ke persimpangan Sungai Beruas — Sungai Rotan (Gambar 23). Ciri kelurusan yang ditunjukkan oleh permatang pasir yang jelas wujud di bahagian barat kawasan ini dan ianya menganjur secara NE — SW dan jalan raya jelas dibina di atas permatang pasir pantai. Sebahagian interpretasi gambar udara akan dapat diperjelaskan lagi dalam bahagian geomorfologi kawasan.



23. *Pandangan satu lembangan yang merupakan Alur Kampung Kota, Beruas.*

### **Geomorfologi Kawasan Sungai Beruas Daerah Manjung**

Kawasan Sungai Beruas dan sekitarnya terbentuk dari perbukitan pelokosan (*denudation*), fluvial, permatang pasir, endapan marin dan benua.

## **I — Kawasan Perbukitan Tinggi dan Curam**

Kawasan perbukitan tinggi merupakan permulaan kepada proses geomorf seperti luluhawa, hakisan dan lain-lain aktiviti yang mengurangkan atau merendahkan permukaan bumi. Proses ini jelas meninggalkan sifat semulajadi seperti permatang, cerum curam, tebing curam (*cliff*), alur-alur, lembah sungai, *meander* dan paya air tawar dan bakau.

Pengelakan ini dapat dicirikan seperti berikut:-

### **a) Topografi Perbukitan Tinggi**

Ianya dibentuk dari perbukitan muka bumi yang tinggi mencapai 915 meter atas aras laut (a.p.l). Kecerunan saliran agak curam terutama yang dibentuk dari batuan granit iaitu terletak di utara Sungai Beruas dan sekitar Bukit Segari. Sebahagian tebing curam di sini juga terdiri dari batuan kuarzit seperti di Bukit Kota yang menjadi panduan arah jalan keluar masuk di sini. Koluvium dan aluvium merupakan hasil dari proses geomorf di perbukitan ini.

### **b) Topografi Beralun dan Rendah**

Terhasil dari perkongsian pelbagai proses geomorf dalam membentuk unit-unit zon koluvium dan aluvium yang dibawa oleh air dari perbukitan tinggi. Sungai semakin melebar ke arah sisi dan mengurangkan proses mendalamkan sungai. Hakisan di pinggir bukit biasanya mengumpulkan sedimen berhampiran cerun dan kawasan tanah rendah.

### **c) Kawasan Landai dan Pamah**

Kebanyakan topografi ini terbentuk sebagai dataran agak melandai hingga mendatar. Ini ditunjukkan oleh dataran aluvium dan teres seperti di Kampung Pulau Meranti dan Kampung Kota. Ianya juga dibentuk dari sedimen Holosen (Gambar 24) yang terdiri dari gambut dan lempung benua serta marin dan juga pasir pantai. Ini dapat dilihat sekitar kawasan Ladang UIE hingga ke Pantai Remis (Gambar 25).

## **II — Endapan Fluvium**

Kebanyakan endapan fluvium ditemui di bahagian barat Sungai Beruas di mana proses tersebut aktif sekitar tebing Sungai Beruas.

### **a) Dataran Aluvium**

Aluvium merupakan topografi yang rendah, mendatar. Dari interpretasi gambar udara jelas menunjukkan *meander-*



24. Sampel sedimen berusia Holosen dekat Kampung Anta Berantah dari Ahli Matang Gelugur (merupakan Permatang Pasir Pantai Purba).



25. Gambar menunjukkan satu lapisan batu pasir dan batuan kuarzit di Ladang UIE.

*meander* sungai purba dan tetambak semulajadi (*natural levee*). Ini dapat dilihat di sekitar Kampung Pengkalan Baharu hingga ke Kampung Matang Aceh.

b) **Tetambak Semulajadi**

Ianya adalah tetambak lama yang merupakan alur sungai purba. Situasi ini wujud di kawasan Sungai Beruas di mana sedimen sungai terendap di sepanjang saluran sungai dan membentuk tetambak semulajadi seperti di Kampung Pulau Meranti dan Kampung Padang Lalang. Contoh lain ialah alur Sungai Beruas pernah bergerak sejauh 1000 meter ke barat di mana jelas kelihatan dibahagian barat Pantai Remis.

### III — Geomorf Marin

Hampir seperempat kawasan Beruas dan lembangan di bentuk oleh sedimen marin. Sedimen ini di bentuk hasil aktiviti geologi marin yang membentuk teres tua, teres muda, permatang pasir dan pamah pasang surut (*tidal flats*). Terdapat beberapa aras purba dan aktiviti marin seperti dalam interpretasi gambar udara telah dikenalpasti dengan pemeriksaan di lapangan. Bekas garis tepi pantai purba yang terletak paling

jauh dari pesisir pantai sekarang ialah di timur Pengkalan Damar yang dicerap berada di tebing Sungai Beruas. Ini dibuktikan dengan kewujudan taburan cangkerang bivalve (Gambar 26). Beberapa siri permatang pasir pantai jelas wujud selari dengan jalan raya Pantai Remis yang mengarah NNE — SSW sejauh 16 kilometer dengan kelebaran mencapai lebih kurang 2.5 kilometer. Sementara topografi pamah di belakang pesisir pantai sekarang lebih rendah dari dataran pantai dahulu. Sementara pamah pasang surut sekarang telah membentuk teluk-teluk pantai bilamana aras laut naik. Aras laut purba berubah-ubah secara berperingkat beberapa kali sejak Holosen dan meninggalkan kesan yang membentuk siri permatang pasir pantai dengan ketinggian pelbagai dari 5.5 meter dibahagian timur iaitu sekitar Kampung Padang Serai sementara kedudukan paling rendah telah dicerap di bahagian barat dengan ketinggian 2.7 meter atau (9 kaki) dari aras laut semasa di mana ianya terletak di sekitar jalan raya Pantai Remis — Kampung Matang Raja. Komposisi saiz pasir di permatang ini adalah dari gravel hingga pasir berbutir sederhana — kasar dengan ketebalan antara 3 meter hingga 5 meter. Beberapa kesan alur sungai purba dilihat dalam interpretasi gambar udara yang tertumpu dari muara hingga



26. *Cangkerang Bivalve di kawasan Ladang Saforra, Permatang Damar.*

ke Kampung Permatang Aceh. Alur-alur purba ini pernah mencapai kelebaran 30 meter (dibarat Kampung Matang Aceh) hingga 180 meter (dibarat pekan Pantai Remis).

### c) **Gerudian Lubang Cetek**

Hasil gerudian lubang cetek dengan menggunakan bangka tangan 'guts' dan 'Van Der Staay' didapati kawasan ini dibentuk dari beberapa siri endapan berusia kuaterner iaitu terdiri dari lempung marin, lempung benua dan pasir pantai. Rajah 3 menunjukkan stratigrafi sedimen berusia kuaterner yang memaparkan lempung benua berada pada kedalaman – 8 meter dari aras laut dan merupakan lapisan sedimen dasar yang dikenali sebagai Formasi Simpang. Lapisan ini ditutupi oleh sedimen Formasi Gula dan diikuti oleh Ahli Matang Gelugor yang terdiri dari pasir marin dan lempung berpasir dan merupakan lapisan teratas. Suntharalingam (1987) telah membuat pengelasan geologi kuaterner di mana lempung benua dikelaskan ke dalam Formasi Simpang dan Formasi Beruas, sementara lempung marin, pasir pantai dikelaskan sebagai sedimen Ahli Matang Gelugor dalam Formasi Gula. Formasi Simpang adalah tertua berusia Pleistosen sementara lempung marin dalam Formasi Beruas berusia Akhir Holosen dan ianya lebih muda dari lempung marin dalam Formasi Gula yang berusia Awal Holosen.

Ahli Matang Gelugor banyak tertumpu dikawasan Kampung Pengkalan Baharu dan ianya terdiri dari komposisi pasir marin dan lempung berpasir dengan ketinggian mencapai 5.5 meter dari aras laut kini.


Kawasan berpaya yang bermula 4 kilometer ke timur Kampung Pengkalan Baharu menganjur ke Kampung Tengah melalui Ladang UIE terdiri dari sedimen Ahli Pengkalan yang mengandungi gambut bersama lempung berhumik (Rajah 4). Sementara itu aras laut purba telah dikesan di mana cerapan sendiri telah dibuat di Tanjung Mengkudu, (VC 887878).

### **Geomorfologi dan Tapak Arkeologi**


Hasil penelitian selama 10 hari di kawasan ini (Rajah 5) menjelaskan kewujudan dan jumpaan arkeologi yang menggambarkan aktiviti budaya pada masa lampau telah dipengaruhi oleh aspek-aspek keselamatan, sumber pertanian, perhubungan dan lain-lain. Dari asas ini kewujudan sesuatu aktiviti masyarakat itu lebih tertumpu di bahagian permatang, tetambak semulajadi seperti jumpaan tembikar China jenis *celadon* di Kampung Padang Serai (QY




KELAKUAN ARAS LAUT HOLOSEN DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG (Selepas Tjia, 1990)




Kelakuan aras laut Holosen dari petunjuk tepi laut dan umur radiokarbonnya. Kebanyakan titik cerapan berada dalam kedua garis lengkung tersebut.



Rajah 3: Keratan rentas geologi kuaterner yang memperlihatkan kedudukan formasi dalam sekitaran terhadap aktiviti Marin Keratan menggabungkan Zainol dengan Suntharalingam (1987).



Rajah 4: Keratan Rentas Geologi kuaterner yang memperlihatkan kedudukan formasi dan alas rata daripada Formasi Gula dan kedudukan permukaannya terhadap aras laut purata (Meter). Rakaman lubang dalam dimudahkan dari cerapan lapangan dan Suntharalingam (1978).



Rajah 5: Keratan profil bagi lokaliti yang dipilih kawasan Daerah Manjung.

009 002) yang kronologinya semasa Dinasti Song sekitar abad ke-10 hingga abad 13 Masihi. Selain itu dataran aluvium, permatang pesisir di dataran pantai telah menjadi tumpuan semasa silam.

Tapak-papak arkeologi Beruas berdasarkan hasil jumpaan semasa Projek Penelitian Sejarah Beruas Fasal I boleh dikategorikan seperti

berikut a) taburan tapak arkeologi tertumpu di sepanjang tetambak semulajadi (*natural levee*), b) taburan tapak arkeologi di sini lebih cenderung wujud di pinggir Sungai Beruas dan cawangannya, dan c) taburan arkeologi tertumpu di kawasan perbukitan tinggi dan permatang landai (contoh Kampung Che Puteh dan Kampung Kota).

Contoh lain ialah tapak kubur purba di mana kewujudannya pula lebih tertumpu pada tetambak semulajadi dan *meander* terdahulu. Tapak ini dipilih kerana ianya selamat dari beberapa aspek yang diterangkan sebelum ini.

Hasil penelitian gambar udara jelas menunjukkan secara am struktur dan *features* yang dapat dikenalpasti tentang kewujudan tapak-tapak arkeologi di Beruas. Kemungkinan besar warisan tinggalan pada masa lampau dapat dicungkil kembali dan diharap beberapa penemuan baru akan dapat dilakukan pada masa-masa yang akan datang. Sebarang projek penggalian dan pengerimitan oleh agensi-agensi lain di kawasan ini pada masa akan datang perlulah dimaklumkan kepada pihak berwajib agar sesuatu penemuan baru dapat dicerap dan dikenalpasti.

## JUMPAAN-JUMPAAN ARKEOLOGI DI BERUAS

Pada awal tahun 1986 hampir setiap hari ada sahaja laporan di dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai jumpaan arkeologi di Beruas dan sekitarnya. Tidak semua jumpaan itu merupakan jumpaan baru. Ada di antaranya telah lama ditemui cuma tidak dilaporkan dan seterusnya disimpan oleh orang yang menjumpainya.

Berdasarkan maklumat-maklumat mengenai jumpaan itulah kumpulan penyelidik yang menyertai Projek Penelitian Beruas Fasa I mengatur gerak kerja mencari tapak-tapak jumpaan itu disamping melakukan eksplorasi di kawasan-kawasan sekitarnya. Sepanjang 20 hari itu kumpulan penyelidik itu telah berjaya mengesan sebanyak 15 tapak. Tapak-tapak tersebut adalah seperti berikut:


### 1. Kampung Che Puteh, Beruas

Kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Dato' Shaharudin telah sampai ke Kampung Che Puteh (2 kilometer dari kilometer 50 jalanraya Taiping/Beruas Peta Panduan: Peta Beruas/Batu Gajah West/Sheet 52/53 tahun 1972/82) untuk mencari tapak Kota kerajaan Gangga Negara dan gua di kawasan Hutan Simpan Gunung Bubu. Kumpulan eksplorasi itu memasuki kawasan Hutan Simpan Gunung Bubu yang berdekatan dengan Kampung Che Puteh. Dalam jarak 50 meter dari situ mereka telah menemui sebatang anak sungai yang mengalir ke timur laut iaitu ke Sungai Binjai. Sebaliknya terdapat paya yang agak luas yang menghalang perjalanan untuk sampai ke kaki bukit.

Disebelah timur hutan simpan tersebut dan melalui denai yang menuju ke kawasan tanaman dusun durian dan rambutan yang baru ditanam dalam keluasan lebih kurang 1.5 hektar terdapat sebatang anak sungai yang mengalir ke lereng Hutan Simpan Gunung Bubu yang tebingnya terdapat batu-batu jenis granit.

Melalui sebelah barat, dalam jarak lebih kurang 100 meter dikaki bukit tersebut mereka mendapati satu kawasan deretan batu susun yang berbentuk tembok (Lakaran 1). Kedudukan pada GR: 006995 iaitu 80 darjah di sebelah timur Kampung Che Puteh. Keadaan tanah jenis humus dalam kawasan hutan sekunder. Keadaan batu susun itu kebanyakannya tidak begitu jelas kerana ditutupi pokok-pokok kecil, daun kering dan sebahagiannya pula telah diseliputi oleh tanah dan lumut. Selepas mencucuk-cucuk dengan kayu tajam didapati disepanjang deretan batu tersebut ada lagi lapisan batu di bawahnya. Deretan batu itu berbentuk tiga segi yang menghala ke atas bukit. Apabila dekat jelas kelihatan ada bekas alur anak sungai.


Satu kumpulan anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) pula telah menyusuri batu tambak yang menghala ke atas bukit Gunung Sunting Buluh, tetapi tidak ditemui apa-apa kesan arkeologi. Kumpulan yang diketuai oleh Dato' Shahrudin itu telah menyusuri lereng bukit hutan simpan. Dalam jarak 300 meter iaitu di pertemuan 3 batang alur sungai (GR: 006997), telah ditemui satu batu susun yang berbentuk benteng sungai. Tetapi kebanyakannya telah runtuh akibat hakisan air. Dalam jarak 300 meter dari situ iaitu sungai yang



Lakaran 1. Lakaran Lokasi Deretan Batu Tersusun, Kedudukan Kampung Che Puteh.

menghala ke barat, terdapat satu benteng yang masih elok yang panjangnya 25 meter dan tebalnya 8 meter. Setelah dirintis dengan mengikuti alur sungai tersebut telah ditemui pula satu bongkahan batu yang besarnya lebih kurang 20×20 meter yang sebahagian daripadanya terdapat pecahan. Berhampirannya terdapat ketulan batu kecil yang mana dipercayai sebagai tempat memecah batu untuk membuat tambak tersebut.

Setelah mendaki bukit tersebut, dalam jarak 400 meter ke atas terdapat denai balak dan beberapa ketul batu berbanjar. Usaha mencari gua diteruskan disekitar bukit tersebut. Dikawasan itu juga terdapat bekas alur sungai dan terdapat ketulan batu-batu yang besar ditebingnya (Lakaran 2). Selepas berada pada ketinggian lebih kurang



Lakaran 2. Lakaran Kasar Lokasi Deretan Batu (Tebing Buatan) (GR 0099).

900 meter di hutan simpan tersebut dan mendaki satu lereng bukit yang agak curam mereka telah menemui satu kelompok batu yang di bawahnya terdapat air mengalir. Punca air tersebut melalui bawah tanah sejauh 10 meter sebelum keluar ke alur anak sungai. Disekitar kawasan tersebut mereka menemui banyak kesan tempat tinggal babi hutan dan pokok bertam. Di paras 1200 meter, di kawasan yang agak terang, jelas pemandangan kawasan ladang UIE dan Pekan Beruas. Beberapa anggota PPH telah menggeledah di sekitar kawasan itu hingga ke puncak bukit tetapi mereka tidak menemui apa-apa kesan yang boleh menunjukkan ianya ada gua.

Kedudukan longgok atau tambak batu yang pertama ialah lebih kurang 1.5 kilometer dari surau. Jarak dari longgokan 1 ke longgokan 2 ialah lebih kurang 1 kilometer, dan orientasinya ialah ke timur. Keseluruhan longgokan atau tambak batu itu dianggarkan berukuran 70 meter panjang dan 52 meter lebar. Kedudukannya yang sebenar ialah dalam Hutan Simpanan Bubu berhampiran tanah Encik Nawawi bin Haji Ahmad (Lot 643) dan Encik Arshad.

## **2. Bukit Ché Puteh**

Kumpulan penyelidik itu juga telah mendaki bukit ke arah barat laut dan barat melalui Beruas Estet dan Hutan Simpan Bubu di mana mereka mendapati dipuncak Bukit Che Puteh terdapat sebuah pondok daripada besi dan zink (seperti dalam Lakaran 3). Ianya dipercayai dibina untuk tujuan pemetaan peta topo pada awal 1900-an. Mereka telah cuba mencari tanda-tanda yang lain seperti tangga batu tetapi gagal.


## **3. Bukit Shamsul Baharin (Grid M.S. 1194, Syit 52/53).**

Ada beberapa cara atau jalan untuk sampai ke atas Bukit Shamsul Baharin (Gambar 27-30). Di bukit itu terdapat dinding terhampir yang dapat dilihat dari laut. Ketinggian dinding itu ialah lebih kurang 10 meter dan panjangnya 30 meter. Tidak terdapat gua di kawasan itu. Di kemuncak Bukit Shamsul Baharin terdapat batu lada dan tanah dijadikan ladang oleh FELCRA.

Bukit Shamsul Baharin dikenali juga dengan nama Bukit Residen, sempena kegiatan mencari harta karun oleh seorang Residen British. Mengikut lagenda terdapat perkuburan keranda emas dan dua batu nesan disini. Berhampiran dengannya ialah Bukit Gelong Pepuyu dan Bukit Jepun. Bukit Jepun adalah kubu asykar Jepun pada tahun 1941 - 1944.

Antara Gunung Bubu dan Bukit Shamsul Baharin terdapat Lembah Paya Ara. Kira-kira 30 meter dari puncak ke bawah terdapat terowong laluan air dan di bawahnya ada sebuah lubang 50 sm x 55 sm iaitu pelabuhan tempat berteduh.





Lakaran 3. Tapak Deretan Batu Bertingkat Di Kawasan Hutan Simpan Bubu (GR 006995).

#### 4. Kampung Pecah Batu, Kampung Kota terletak di kilometer 38, Jalan Sitiawan, Beruas


Dipercayai terdapat sebuah kubur dan diatasnya ada sebatang pokok cempaka. Tetapi kubur itu belum dijumpai.



27. Batu dinding di Bukit Shamsul Baharin.



28. Kemuncak Batu dinding (Bukit Shamsul Baharin).



29. *Pemandangan persekitaran Bukit Shamsul Baharin.*



30. *Pemandangan persekitaran Bukit Shamsul Baharin.*

### **5. Ladang Kelapa Sawit Koop. PERHUMA Simpang Tiga Parit, Beruas**

Penelitian di Ladang Kelapa Sawit Koop. PERHUMA bertujuan untuk mengesan dan mengesahkan fungsi gua yang dilaporkan wujud di ladang itu. Memang terdapat sebuah gua batu berukuran 1 m. x 6 m. di tepi Sungai Sadang tetapi ia terlalu kecil dan mungkin tidak sesuai untuk masyarakat prasejarah menjadikan tempat tinggal mereka. Pintu gua juga terlalu kecil.

### **6. Kawasan Sekolah Rendah Gangga, Beruas**

Berdasarkan laporan disini telah dijumpai sauh iaitu di kawasan tasik (sungai mati) yang bernama 'Mani Dendang'. Sauh itu kini telah hilang.

### **7. Gua Kelawar, Ulu Licin, Beruas**

Ekoran daripada laporan tentang kewujudan gua di Ulu Licin (Gambar 31 & 32) pasukan penyelidik telah cuba pergi untuk mencarinya. Mereka telah menemui gua batu granit. Pada pendapat mereka tempat itu tidak sesuai untuk dijadikan sebagai tempat kediaman.



*31. Penelitian di Gua Kelawar, Ulu Licin.*




32. *Penelitian di Gua Kelawas, Ulu Licin.*

**8. Kampung Tanjung Ara, Padang Antah Beranta, Alur Berdarah dan Kubur Panjang. (Grid: M.S. 9496, M. Syit 52/53)**

Eksplorasi ke sini bertujuan untuk mencari kesan tinggalan sejarah di sekitar kawasan Kampung Tanjung Ara (Lakaran 4), Padang Antah Beranta, Kubu Panjang dan Kota Kulit Kerang. Kumpulan eksplorasi telah pergi ke kawasan Padang Antah Beranta yang juga dikenali sebagai padang Mara Kurma (GR 9496) yang terletak di tepi parit Alur Berdarah. Sungai Beruas (Gambar 33) yang ada sekarang adalah aliran yang baru. Aliran lama kini telah menjadi daratan dan terdapat banyak tasik-tasik kecil akibat pemotongan lekukan sungai lama. Di aliran lama Sungai Beruas di kawasan Kampung Ara pernah dilaporkan ada bahagian kapal sepanjang 2.1 meter.

Sebuah sauh dan rantai sauh (Lukisan 1) telah dijumpai pada GR 963969 yang kini telah menjadi jalan raya yang menuju ke Kampung Matang Aceh dan UIE (permatang yang dibuat dari tanah dasar sungai baru iaitu tebing sungai lama). Sauh ini kini disimpan di Sekolah Menengah Dato' Idris yang terdedah dan menyebabkan ia semakin kecil kerana reput akibat pengkaratan. Ianya diletakkan diatas sebuah kolam buatan yang tidak sesuai untuk barang-barang




Lakaran 4. Eksplorasi Ke Kampung Tanjung Ara.

yang diperbuat dari besi. Sauh ini mempunyai 4 cangkuk. Ia berukuran 2 meter panjang. Panjang cangkuknya ialah 0.6 meter 2.5 sentimeter dan jarak antara cangkuk-cangkuk itu ialah 0.7 meter. Sementara ukuran lilit gelungnya ialah 18 x 18 sentimeter.

Di seberang Sungai Beruas menuju ke kawasan permatang yang menjadi jalan raya menuju ke Kampung Matang Aceh terdapat kawasan yang ditumbuhi oleh belukar dan pokok-pokok kelapa. Tasik-tasik kecil yang dijumpai berjumlah 3 buah dan salah satunya dikenali sebagai Lubuk Meriam (Gambar 34). Permatang ini mempunyai tekstur tanah yang berpasir dan cengkerang (Gambar 35 & 35a) banyak ditemui, sebelah bawahnya terdapat lapisan tanah laterite. Ini jelas menunjukkan stratigrafi tanah yang telah terbalik di mana kesan mendakan berada di sebelah bawah dan pasir di




33. Kawasan aliran lama Sungai Beruas (Kampung Tanjung Ara).



Lukisan 1. Rantai Besi (Kampung Changkat Beruas).

sebelah atas. Ia adalah akibat pengorekan tebing sungai lama Beruas. Panjang permatang itu ialah kira-kira 800 meter.

Di kawasan permatang ini banyak dijumpai serpihan seramik dan tembikar tanah (Lukisan 2 & 3). Jumpaan diatas permukaan terdiri dari Seramik China *blue and white*, seramik dengan glaze hijau,




34. *Lubuk meriam* (Kampung Tanjung Ara).




35. *Taburan cengkerang* di tepi Sungai Beruas.






35(a). *Siput (Kampung Tanjung Ara).*



Lukisan 2. *Serpihan Tembikar Tanah (Kampung Tanjung Ara).*

tembikar yang tidak bersepeh sepenuhnya (Gambar 36), serpihan mulut tempayan dan ketulan timah seberat 250 gram (Gambar 37). Kedudukan kawasan jumpaan ini pada GR 968968.

Padang Antah Beranta mempunyai pasir yang ditumbuhi rumput berwarna kemerah-merahan. Manakala di sekitarnya ditumbuhi pokok kelapa dan terdapat beberapa buah rumah (Gambar 38).



Lukisan 3. Sebahagian Dari Bekas Tembikar Tanah (Kampung Tanjung Ara).




36. Serpihan tembikar yang dijumpai di tepi Sungai Beruas.

Lubuk Meriam kini telah ditumbuhi belukar. Air tidak lagi dapat masuk ke kawasan ini. Dalamnya lubang ini pada masa dahulu ialah 30 meter dan dipercayai sekali dalam setahun terdapat sepucuk meriam yang akan timbul dan meletup. Asal usul kenapa lubang ini dipanggil Lubuk Meriam adalah kerana dipercayai suatu ketika dahulu semasa perang meletus, senjata yang begitu banyak telah dibuang ke dalam lubang ini. Lubuk ini berdekatan dengan sebuah



*37(a). Tampang Timah (Kampung Tanjung Ara).*



*37(b). Duit Tampang.*



38. *Lubok Raja (Kampung Tanjung Ara).*

kuil Hindu dan kira-kira 100 meter dari jambatan yang ada sekarang ini. GR Lubuk Meriam ialah 948957.

Kubur Panjang (Gambar 39) terletak di kawasan penanaman pokok kelapa pada GR 960962 diatas busut besar dengan datar puncaknya yang berukuran  $5 \times 5$  meter dan  $1\frac{1}{2}$  meter tinggi dari kawasan sekitar. Kubur panjang ini berukuran 2.7 meter panjang, 33 sentimeter lebar, 30 sentimeter tinggi. Lebar tapak nesan berpersegi ialah  $18.5 \text{ sentimeter} \times 18.5 \text{ sentimeter}$ , sementara ukuran lilit nesan itu ialah 0.8 meter.

Kedua-dua bahagian puncak nesan ini telah hilang. Terdapat pokok halban besar ditepi sebelah timur. Kubur Panjang ini terletak di kawasan Permatang Kubu. Sungai lama Beruas kira-kira 50 meter terletak disebelah utaranya dan ia telah ditumbuhi belukar (Gambar 40 & 41). Serpihan pelbagai jenis seramik China termasuk *blue and white* juga telah dijumpai di kawasan yang berhampiran (Gambar 42-60).

Kota Kerang (GR 939962) berdekatan dengan masjid Pengkalan Baharu. Tinggalan kubu atau kota ini masih dapat dilihat dibelakang masjid itu.

Nama asal Pengkalan Baharu ialah Pengkalan Kayu kerana kawasan ini pada suatu masa dahulu menjadi pusat pengumpulan kayu.



39. *Kubur Panjang di Permatang Kubu (Kampung Tanjung Ara).*



40. *Cabang pertemuan Sungai Beruas dan Sungai Rotan.*



41. Pemandangan di tebing Sungai Beruas.




42. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).



43. Serpihan seramik jenis **Blue & White** (Kampung Tanjung Ara).



44. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).



45. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).



46. Serpihan seramik kelabu muda (Kampung Tanjung Ara).





47. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).



48. Serpihan seramik jenis Stoneware (Kampung Tanjung Ara).



49. Serpihan seramik jenis Belanda.



50. Serpihan seramik jenis Stoneware (Kampung Tanjung Ara).




51. Serpihan seramik jenis Stoneware (Kampung Tanjung Ara).




52. Pasu tembikar.



53. Serpihan tembikar (Kampung Tanjung Ara).



54. Serpihan tembikar (Kampung Tanjung Ara).




55. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).




56. Serpihan seramik.



57. *Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).*



58. *Serpihan Tempayan jenis Stoneware (Kampung Tanjung Ara).*



59. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).




60. Serpihan seramik (Kampung Tanjung Ara).

## 9. Kampung Gelong Gajah

Di kawasan kebun ubi kayu telah di temui lesung yang diperbuat dari campuran batu dan simen. Ia mungkin telah dibuat dan digunakan pada zaman Jepun. Tingginya 55 sentimeter, tebal 17 sentimeter, dalam lubangnya 32 sentimeter dan ukuran lilitnya 80 sentimeter. Ia dijumpai berdekatan rumpun buluh. Responden yang menjadi Jurutunjuk ialah Kamal bin Othman dan beliau tinggal di Kampung Pulau Meranti. Menurut beliau, lesung ini telah dijumpai kira-kira setahun yang lalu. Lesung itu ketika ditemui oleh kumpulan penyelidik berkeadaan terlangkup.

## 10. Ladang RISDA Bukit Kota, ESPEK (M) Sdn. Bhd. (Gua Bukit Kota)

Lebih kurang pukul 9.20 pagi kumpulan penyelidik telah tiba di pejabat Ladang RISDA Bukit Kota (Lakaran 5 & Gambar 61 & 62)



Lakaran 5. Keratan Rentas: Letak Lubang/Gua Di Ladang RISDA Bukit Kota.





61. Eksplorasi di Ladang Risda, Bukit Kota.



62. Gua kecil yang terdapat di Ladang Risda, Bukit Kota.

dan meminta kebenaran untuk membuat penerokaan daripada Pengurus ladang itu. Beliau telah mengarahkan seorang pekerja ladangnya menjadi Jurupandu. Keadaan jalan agak buruk dan licin, mengikuti jalan ladang di lereng bukit. Jarak daripada jalanraya Ipoh/Beruas lebih kurang 10 kilometer dan jarak daripada pejabat ladang lebih kurang 4 kilometer.


Dengan bantuan Jurutunjuk tersebut kumpulan penyelidik telah tiba di tempat yang dikatakan ada gua dari sebelah atas. Kedudukan pada peta Beruas/Kampung Gajah, West/sheet 52/53 tahun 1972/82 ialah GR — 130955. Keadaan di sekitarnya agak semak dan baru dibersihkan. Setelah menuruni bukit tersebut mereka menemui satu lubang yang dikatakan gua. Lebar lubang itu 1.8 meter, tingginya 0.6 meter dan dalamnya 0.9 meter saja. Dalam jarak 10 meter dari situ mereka juga telah menemui satu lubang yang telah dipenuhi semak dan ukurannya  $0.9 \times 0.9$  meter persegi. Setelah diteliti mereka mendapati ianya tidak ada kesan arkeologi.

Apabila merujuk kepada peta, didapati ia bukannya Bukit Kota yang sebenarnya. Bukit Kota apabila dirinya pada peta tersebut ialah di GR-112949 iaitu Bukit Shamsul Baharin (panggilan masyarakat setempat). Ladang RISDA Bukit Kota tersebut telah ditanam dengan kelapa sawit di bahagian lembah bukit, sementara di lereng bukit ditanami dengan pokok getah.

### **11. Ladang Saforra (Pangkalan Balai)**

Ladang ini terletak lebih kurang 48 kilometer dari bandar Taiping (simpang ke kanan) berdekatan dengan tepi Sungai Pengkalan Balai (Lakaran 6). Kawasan dimana beberapa artefak telah dijumpai masih belum ditanami sebarang tanaman. Penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh penduduk setempat adalah seperti berikut:

- i. Pelepah jati lama tetapi telah dibuang semula.
- ii. Patung yang dijumpai semasa kerja-kerja mengorek parit berdekatan dengan kandang lembu. Tetapi ia dibuang semula.
- iii. Kacip Tembaga yang telah dijumpai di tepi Sungai Pengkalan Balai oleh Encik Nordin bin Uda.
- iv. Alat batu yang telah terpecah dua yang telah dijumpai oleh Encik Ariffin bin Hassan.
- v. Batu Lesung (Gambar 63) yang telah dijumpai oleh Encik Abdul Rahim bin Awang (Tok Sidang). Bekas Perasap Tembaga yang telah dijumpai di hujung Kampung Tok Imam.
- vi. Batu Pengisar Tepung. Kini menjadi milik Encik Ong Kheng Heng (Gambar 64).



Lakaran 6. Lakaran Kasar Lokasi Penemuan Alat Batu Dan Kacip Tembaga Di Kawasan Pengkalan Balai.

- vii. Alat batu (*Stone Tool*) dan lampu basikal lama (Tembaga buatan England). Kini dalam koleksi Encik Tumin bin Musa. Alat batu itu panjangnya 22 sentimeter, lebarnya 7.5 sentimeter, tebalnya 6.5 sentimeter.

Alat batu itu telah jumpai ditepi Sungai Pengkalan Balai, dekat dengan kubur dalam keadaan sedia terdedah. Lampu basikal lama tembaga dari jenis Joseph Lucas Ltd 'SILVER KING' buatan Birmingham (Gambar 122), England pula dibeli di bandar Taiping pada tahun 1930-an.

Kacip tembaga lama tersebut (Gambar 65) telah di jumpai kira-kira 11 tahun lalu setelah Encik Nordin bermimpi berjumpa dengan seorang tua yang berjanggut putih dan berjubah kuning. Dalam mimpinya orang tua tersebut telah memberitahu bahawa di satu kawasan hakisan air berdekatan dengan Sungai Pengkalan Balai



63. Pengukuran kedalaman lesung batu.



64. Batu pengisar tepung.



65. Kacip Tembaga (Kampung Pengkalan Damar).

terdapat sebuah kacip tembaga. Cerita ini telah disokong kuat oleh isteri beliau. Di kawasan ini juga telah ditemui kulit kerang yang telah tersimen dan jongkong timah.

Encik Abdul Rahim bin Awang telah mendapat batu lesung dari seorang Cina yang menjumpainya ketika menggali parit, kira-kira 5 tahun lalu. Menurutnyanya batu lesung ini tertanam sedalam 2.7 meter di dalam tanah di kawasan Sungai Ayer Hitam. Lesung itu berukuran tinggi 36 sentimeter, lebar 45 sentimeter, panjang 54 sentimeter. Sementara lubang lesung itu berukuran 34 sentimeter dalam, dan  $36 \times 36$  sentimeter lebar.

Bekas perasap kemenyan (Gambar 104) yang diperbuat dari tembaga yang diwarisi selama tiga generasi itu telah dijumpai di kawasan hujung Kampung Tok Imam.

## **12. Kampung Batu Hampar. (Kiri dan kanan tebing Sungai Beruas. M. Syit 52/53 Peta Beruas dan Batu Gajah)**

### **Sebelah Kiri Sungai Beruas**


Kumpulan penyelidik memulakan eksplorasi mereka di sebelah kiri Sungai Beruas di Batu Hampar (Lakaran 7) di lokasi G.R. 022997 (Jambatan Kayu). Mereka berpecah kepada kumpulan menuju ke selatan jarak 50 meter dari jambatan kayu. Eksplorasi di sekitar kawasan bawah dan atas Bukit Changkat Beruas. Mereka telah menemui serpihan takar lama, sudu serta barang lama.

Eksplorasi di buat di barat, kiri Sungai Beruas iaitu di simpang Sungai Beruas dan Sungai Rotan (MS 0199) iaitu lebih kurang 500 meter kemudian menuju ke utara Sungai Rotan. Dalam jarak 700 meter dari cabang sungai terdapat pecahan batu hampar di kedua-dua belah sungai. Keadaan di sekitar terdapat tanaman atau dusun dan sebelah kiri terdapat ladang kelapa sawit Saforra.


Setelah mendaki Bukit Batu Hampar (Kampung Batu Hampar) mereka menemui Makam Puteri Bunian (Lakaran 8, Gambar 66 & 67), kedudukannya G.R. 022004 (West/sheet 52/53) dan dicelah Bukit Tiruan (Bukit 188).

Jarak 500 meter dari Sungai Rotan 1 kilometer dari cabang Sungai Beruas/Sungai Rotan (Gambar 40), terdapat kubur besar (dipercayai 3 liang) tetapi yang jelas cuma satu. Keadaan makam — 5 meter persegi (berpagar). Terdapat 3 pokok di dalamnya satu daripadanya masih hidup. Orientasi batu nesan ialah menghadap ke utara. Jenis ukiran hampir sama dengan batu nesan Raja Beruas di Kampung Kota.

Jumpa-an-jumpa-an lain terdiri dari serpihan dari tembikar lama, senduk tembaga, sudu, serpihan tempayan lama, serpihan mangkuk dan serpihan-serpihan lain yang belum dapat dikenalpasti.



Lakaran 7. Eksplorasi Dari Batu Hampar Ke Kampung Pulau Meranti.



Lakaran 8. Bukit Seri Bunian.






66. Makam Puteri Bunian (Kampung Batu Hampar).




67. Batu nesan Puteri Bunian (Kampung Batu Hampar).

### Sebelah Kanan Sungai Beruas

Eksplorasi di kanan Sungai Beruas dari Kampung Batu Hampar ke Pulau Meranti (Lakaran 9), menuju ke barat lebih kurang 500 meter, bertemu dengan cabang Sungai Beruas dan Sungai Rotan. Dari cabang Sungai Rotan menuju ke utara dengan jarak 500 meter berjumpa dengan Makam Puteri Bunian. Kumpulan penyelidik juga telah melakukan eksplorasi disekitar Ladang Changkat Beruas, GL 02299 syit 5052. Di kawasan tepi ladang ini iaitu di tepi jalan raya yang tidak berturap antara ladang ini dengan Ladang UIE (Lakaran 10) banyak ditemui serpihan seramik terutama di sepanjang parit yang digali di tepi jalan. Dalam lingkungan 50 meter terutama disebelah selatan banyak ditemui serpihan tembikar China *blue and white*



Lakaran 9. Lakaran Lokasi Perjalanan Antara Kg. Batu Hampar Ke Kampung Pulau Meranti.




Lakaran 10. Kawasan Changkat Bruas Estet dan Ladang UIE (Batu Hampar).

(mungkin mangkuk besar dengan tapak rendah). Kawasan ini asalnya kawasan paya tetapi kini ditanami kelapa sawit (Ladang UIE), sementara tanahnya adalah dari jenis tanah gambut.

Di kawasan estet getah Changkat Beruas telah ditemui tembikar jenis celadon (Gambar 68), jenis "blue and white", (Lukisan 4) periok bersepop, seramik Belanda (Gambar 82a) dan tembikar kekuning-kuningan. Tanah di kawasan ini adalah dari jenis batu lada yang juga merupakan kawasan tanah tinggi. Kedudukannya dari sungai adalah kira-kira 50 meter. Kawasan ini agak berpotensi kerana ditemui banyak kesan arkeologi.

Dalam eksplorasi sepanjang sebelah kanan Sungai Beruas tidak ditemui sebarang kesan arkeologi. Kumpulan penyelidik terpaksa melalui ladang UIE kerana kawasan ini dimiliki oleh Ladang UIE. Di sepanjang tebing sungai ditumbuhi rumput dan belukar. Oleh kerana jambatan terletak terlalu jauh mereka terpaksa menyeberangi Sungai Beruas dengan menggunakan tali.

Dari Makam Puteri Bunian pasukan penyelidik berlepas mengikut arah tenggara di sebelah kanan Sungai Beruas. Mereka menemui kawasan kulit kerang di M.S. 0497 meliputi kawasan 300 meter. Sepanjang perjalanan ke Pulau Meranti itu banyak dijumpai serpihan tembikar (Lukisan 5), besi dan kulit kerang (Gambar 69 & 70). Mereka juga telah menjumpai sebahagian dari kepala batu nesan Makam Puteri Bunian.



68. Pecahan pinggan jenis celadon (Kampung Padang Serai).



*Lukisan 4. Mangkok Kecil 'blue and white' (Kampung Changkat).*




*82(a). Serpihan Bibir tembikar jenis Belanda (Ladang UIE).*



*Lukisan 5. Mangkok Tembikar (Kampung Pulau Meranti).*



*69. Ketulan Besi (Kampung Tanjung Aru).*



70. Ketulan Besi (Kampung Tanjung Ara).


**13. Kampung Pulau Meranti. (5 km dari jalanraya Taiping/  
Beruas M.S. 0695 M. syit 52/53)**

Lokasi yang dituju pasukan penyelidik ini ialah kebun pisang dan keladi No. lot tanah 7675 kepunyaan Encik Baharum bin Ahmad. Kawasan kebun ini dahulunya kawasan sawah padi. Kawasan disekitarnya ialah ladang kelapa sawit Pertubuhan Peladang Perak (Cawangan).

Ketika Encik Baharum membersihkan kebun ini yang luasnya 2.8 hektar beliau telah menjumpai sebiji guri (tempayan) (Lukisan 6). Lokasi jumpaan ini ialah di kawasan tepi kebun bersebelahan dengan ladang kelapa sawit LPPP (Cawangan). Tanah ini beliau usahakan sendiri. Jumpaan lain ialah serpihan seramik (Lukisan 7 & Gambar 71-83) dan ketulan besi yang telah dijumpai berdekatan dengan kubur Datuk Alang Hitam.


Kumpulan penyelidik juga telah menjumpai satu kawasan hutan buluh di sebelah kiri Sungai Beruas yang dipercayai telah di tanam peti misteri. Kawasan tersebut M.S. 0895 dan di G.R. 081955 seluas 50 meter persegi. Dari situ mereka bergerak menuju ke timur ke Kampung Permatang Padang Lalang (Lakaran 11 & 12) di mana di dapati 2 kubur yang dipercayai kubur seorang lelaki dan seorang perempuan. Ukuran kubur-kubur itu adalah seperti berikut:





*Lukisan 6. Guri (Kampung Pulau Meranti).*


- |                                  |             |
|----------------------------------|-------------|
| a. — Tinggi batu nesan lelaki    | — 70 sm     |
| Lebar batu nesan lelaki          | — 31 sm     |
| b. — Tinggi batu nesan perempuan | — 50 sm     |
| Lebar batu nesan perempuan       | — 25 sm     |
| c. — Panjang kubur               | — 230 sm    |
| d. — Jarak di antara kubur       | — 96 sm     |
| e. — Jarak dari Sungai Beruas    | — 300 meter |




*Lukisan 7. Serpihan Bahagian Telinga Tempayan Tanah  
(Kampung Pulau Meranti).*




*71. Serpihan bibir tempayan (Kampung Pulau Meranti).*



72. Serpihan bibir tempayan (Kampung Pulau Meranti).




73. Serpihan tembikar bibir tempayan.




74. Serpihan tembikar.




75. Serpihan telinga tempayan jenis Stoneware (Kampung Pulau Meranti).



76. Serpihan telinga dan tapak tempayan jenis Stoneware (Kampung Pulau Meranti).



77. Serpihan seramik jenis kelabu muda.



78. Serpihan seramik jenis coklat (Kampung Pulau Meranti).



79. Takar seramik (Kampung Pulau Meranti).



80. *Seramik Blue & White* (Kampung Pengkalan Damar).



81. *Seramik Blue & White* (Kampung Pengkalan Damar).




82. Serpihan seramik jenis *Blue & White*.




83. Serpihan Telinga tempayan jenis *Stoneware* (Kampung Pulau Meranti).





Lakaran 11. Lokasi Eksplorasi Sungai Beruas (Kampung Pulau Meranti — Kampung Kota).



Lakaran 12. Eksplorasi dari Kampung Pulau Meranti ke Kampung Kota.

Kubur-kubur ini terletak di hadapan rumah Pak Mat Makam (Bomoh). Batu nesannya dari jenis batu Aceh

Dari situ mereka bergerak pula ke Kampung Ujung Tanjung (M.S. 0895) menuju ke rumah Encik Shaharom bin Ali (G.R. 086958). Di tanah Lot no. 3562 terdapat 2 buah kubur lama dalam kawasan ladang getah muda. Ukuran kubur itu adalah seperti berikut:

- Kubur (i) — batu nesan — tinggi 50 sentimeter
- lebar 23 sentimeter
- Kubur (ii) — batu nesan — tinggi 52 sentimeter
- lebar 20 sentimeter

Jarak 200 meter ke barat dari kubur (i).


Di kawasan rumah Encik Shaharom bin Ali itu telah di jumpai juga beberapa buah batu nesan lama, batu ukiran dan periuk tanah lama.

Eksplorasi bermula pada G.R. 0659 melalui kawasan Kampung Permatang Padang Lalang (Lakaran 13) disebelah kanan Sungai Beruas. Kawasan yang dilalui adalah belukar dan ditumbuhi tebu liar hingga ke permatang pasir kira-kira 500 meter dari titik permulaan eksplorasi. Kawasan permatang ini terdiri daripada tanah berpasir. Telah dilaporkan bahawa di kawasan inilah telah dijumpai sebuah peti oleh seorang Cina ketika menggali Sungai Beruas. Orang Cina tersebut telah pun meninggal dunia, manakala peti tersebut telah ditanam semula.

Perjalanan diteruskan sehingga ke rumah Mat Makam ataupun Mat Bomoh yang terletak kira-kira 200 meter dari sungai. Di hadapan rumah beliau terdapat dua makam yang mempunyai keluasan lingkungan 3 m x 3 m pada G.R. 0895 syit 52/53 1972 dan masih di dalam lingkungan Kampung Permatang Padang Lalang. Makam disebelah kanan mempunyai nesan besar (lelaki) dan disebelah kiri nesannya kecil sedikit (perempuan). Sayap kanan batu nesan telah patah dan serpihannya masih ada di bawahnya. Nesan tersebut adalah dari jenis batu Aceh. Makam ini sebenarnya telah dijumpai oleh Mat Makam atau Mat Bomoh beberapa tahun yang lalu.

Disebelah barat rumah Mat Makam terdapat kawasan hutan buluh yang luasnya kira-kira 300 m x 100 m. Kawasan ini dipercayai kawasan perkuburan, tetapi kumpulan penyelidik tidak menjumpai sebarang kesan arkeologi.

Seterusnya kumpulan penyelidik menyeberangi pula jambatan dan menyusuri Sungai Beruas di sebelah kiri. Kawasan yang dilalui adalah kawasan terbiar yang ditumbuhi lalang. Mereka menyeberangi semula Sungai Beruas dan bergerak ke sebelah kanan semula. Sampai di Kampung Hujung Kota di pinggir Kampung Permatang Padang



Lakaran 13. Lokasi Jumpaan Serpihan di Kampung Pulau Meranti.

Lalang. Disitu mereka bertemu Encik Shaharom bin Ali (seorang pekebun kecil yang berumur kira-kira 50 tahun). Lot tanah yang beliau duduki ialah 3562. Beliau telah berada di kawasan ini sejak Perang Dunia Kedua lagi dan mula menerokai kawasan ini sebelum 1958. Kira-kira 200 meter dari rumahnya terdapat satu tanah perkuburan lama yang mempunyai nesan dari batu granit biasa yang tidak berbentuk.

Menurutnya satu daripada batu nesan yang bertanda merah mempunyai kuasa ghaib. Menurutnya lagi pada suatu ketika dahulu seorang lelaki telah melangkahi kubur ini dan mengalami tumpah darah, 6 bulan kemudian beliau meninggal dunia. Kawasan ini dahulunya ditumbuhi pokok-pokok halban tetapi kini telah ditanami pokok getah. Batu nesan yang bertanda merah itu tingginya 50 sentimeter dan lebarnya 23 sentimeter. Beliau juga telah menjumpai serpihan nesan granit tanpa bentuk yang telah pecah semasa kerja-kerja menggali pada suatu ketika dahulu. Serpihan-serpihan nesan tersebut ada dalam simpanan beliau (Lukisan 8). Di belakang rumahnya terdapat juga serpihan batu yang berbentuk seperti ditakuk. Beliau juga menunjukkan sebuah periuk tanah (Gambar 79) yang sepohnya telah habis, pada bahagian bibir periuk itu telah pecah  $12 \times 12$  sentimeter dan tapaknya  $17 \times 17$  sentimeter, ketinggiannya ialah 15 sentimeter. Ia telah dijumpai pada kedalaman 0.9 meter oleh seorang India ketika menggali kawasan berdekatan rumahnya. Perjalanan kira-kira 1.5 kilometer ke Kampung Kota melalui jalan denai tidak menemui sebarang kesan arkeologi.



*Lukisan 8. Serpihan Batu Nesan (Kampung Pulau Meranti).*


Kawasan di sekitar jambatan dipercayai terdapat meriam dan di sebuah rumah yang dikunjungi terdapat seketul batu dan serpihan tembikar. Selepas mendapat sedikit maklumat dari Encik Ismail Haji Ahmad, kumpulan penyelidik pergi pula mendapatkan batu tersebut yang terletak lebih kurang 20 meter di belakang rumahnya. Bentuk batu itu tidak jelas dan berlumut hijau. Menurut beliau batu tersebut telah diangkat dari Sungai Beruas semasa mengorek tanah. Bentuk batu tersebut jelas bukan ukiran manusia. Setelah diberus dan dibasuh dengan berhati-hati didapati batu itu dari jenis batu pasir bercampur tanah liat. Ia berukuran 75 sentimeter panjang dan 50 sentimeter lebar.

Dalam jarak 10 meter dari tempat tersebut terdapat sebuah telaga. Tidak jauh dari situ lebih kurang 10 meter terdapat busut anai-anai yang mengandungi serpihan tembikar. Di sekitarnya terdapat tapak bendang padi lama yang sekarang ini telah ditumbuhi lalang. Menurut Encik Ismail Haji Ahmad lagi pecahan tembikar tersebut telah dijumpainya di kawasan sawah padi dalam jarak 20 meter dari busut tersebut semasa beliau mengerjakan sawah.

Serpihan tembikar sebanyak 17 keping jelas terlihat diluar busut tersebut (Lakaran 14). Kumpulan penyelidik telah menggali busut tersebut dengan cangkul dan pisau. Keluasan tapak busut tersebut ialah  $120 \times 120$  meter persegi dan tingginya 40 meter. Apabila tembikar telah jelas kelihatan, proses menggali dibuat dengan berhati-hati dengan *scraper*. Selepas busut tersebut dibersihkan jelas kelihatan timbunan tembikar yang berlapisan guni yang telah reput (Lakaran 15). Tembikar itu yang berjumlah 62 keping telah diambil dan dimasukkan dalam beg plastik. Selepas tembikar diambil kerja-kerja menggali diteruskan untuk memastikan sama ada masih terdapat tembikar disitu. Dalam proses meratakan busut tersebut telah ditemui 5 keping lagi tembikar di bawah guni tersebut yang mungkin kerana aktiviti anai-anai.

Usaha diteruskan untuk mencari kubur tersebut di sebelah kanan kebun sayur disebelah-kiri Sungai Beruas. Ia dipercayai kubur Datuk Sang Lang Hitam. Bentuk batu nesan adalah jenis batu granit yang tak berukiran. Ia terletak diatas sebuah busut yang tingginya lebih kurang  $1\frac{1}{2}$  meter dan  $5 \times 5$  meter lebar. Busut tersebut seperti pulau dengan pokok-pokok besar dan lalang yang tinggi ditepi kanan jalan menuju ke Estet Beruas. Kubur tersebut berukuran — 2 meter panjang.


Jumpai-jumpai lain dari kawasan itu ialah serpihan batu penggiling (Lukisan 9), batu penggiling yang agak lengkap (Lukisan 10) dan duit lama (Lukisan 11).



Lakaran 14. Stratigrafi Jumpaan Pecahan Tempayan di Kampung Pulau Meranti.




*Lakaran 15. Menunjukkan Penemuan Serpihan Tembikar di Kampung Pulau Meranti.*



*Lukisan 9. Serpihan Batu Penggiling (Kampung Pengkalan Damar).*





Lukisan 10. Batu Penggiling (Kampung Pulau Meranti).

#### 14. Ladang UIE (United International Enterprise (M) Sdn. Bhd.)

Ladang ini terletak kira-kira 9 kilometer dari jalan raya di kilometer 28 jalan Sitiawan/Beruas. Keluasan ladang ialah 257,000 hektar persegi. Ladang ini telah dibuka pada bulan Oktober 1979.

Di Ladang UIE menuju ke Bukit Gajah (Lakaran 16 Gambar 84-87) dikatakan tersimpan inskripsi. Jaraknya 2 kilometer pejabat UIE tersebut. Keadaan kawasan itu telah disodok untuk di tanam kelapa sawit. Panduan yang di dapati untuk mencari inskripsi tersebut ialah terdapat 2 pokok (salah satunya jejawi) yang bertaut seperti pintu gerbang dengan permatangnya dikelilingi oleh pokok pinang Raja. Di kawasan itu juga dipercayai terdapat banyak manik. Keadaan di sekitar sebelah barat telah disodok tanahnya untuk dibuat jalan manakala di sebelah timurnya terdapat kesan teres yang ditutupi rumput.

Dalam jarak 10 meter daripada pokok itu terdapat busut anai-anai di sebelah barat dan kolam asal dengan keluasan  $4 \times 4$  meter persegi di sebelah selatannya. Di bawah pokok tersebut terdapat tokong Cina. Usaha mencari inskripsi tersebut dilakukan dengan mengeledah rumput dalam jarak 18 meter di sekeliling pokok tersebut.


Penyelidikan seterusnya adalah untuk melihat sebatang pokok mati yang tidak boleh ditebang (Lakaran 17). Jaraknya lebih kurang 3 kilometer disebelah timur Pejabat UIE. Tidak ditemui apa-apa kesan yang menunjukkan adanya bukti arkeologi. Tidak jauh dari situ terdapat Kongsu Balak.

سات گنج

۱۲۱۹




*Lukisan 11. Permukaan Duit Lama.*




Petunjuk

-  Pokok pintu gerbang
-  Tokong Cina
-  Pokok buluh
-  Pokok Pinang Raja
-  Pokok kelapa sawit
-  Tali air
-  Jalan ladang UIE
-  Kolum

Lakaran 16. Kedudukan Bukit Gajah.



84. Bukit Seri Bunian di Ladang UIE.




85. Lereng Bukit Seri Bunian di Ladang UIE.



86. Batu tanda di Ladang UIE.



87. Kolam buatan di tepi Bukit Gajah, Ladang UIE.



Lakaran 17. Lakaran Kasar Letak Duduk Bukit Kecil Pokok Mati Yang Tidak Boleh Ditolak.

Di kawasan UIE terdapat batu berbentuk penanda jalan. Ukuran lilit pada tapaknya 250 sentimeter dan atasnya 149 sentimeter. Bentuk batu — 152 sentimeter tinggi, 60 sentimeter panjang dan 54 sentimeter lebar. Ia terletak di simpang 3 jalan ladang dengan batu penanda berhampiran Fld, 46, HA 113.1. Letak disebelah utara iaitu lebih kurang 8 kilometer daripada pejabat UIE. Lebih kurang 100 meter dari situ terdapat 10 ketul batu jenis granit di sebelah kiri jalan.

Lebih kurang 150 meter dari situ ialah Bukit Kecil Seri Bunian. Lereng hingga kemuncaknya telah disodok dan kelihatan beberapa tinggalan bongkahan granit (Lakaran 18).

### 15. Kampung Kota (3 km dari Pekan Beruas)


Menurut cerita Syed Mahmud bin Syed Lodin (70 tahun), Kampung Kota (Lakaran 19) dibuka oleh Raja Jaafar bin Raja Omar yang berasal dari Chenderiang. Raja Jaafar ini ialah Datuk kepada Syed Mahmud kerana Raja Tipah ialah anak Raja Jaafar dan bonda kepada Syed Mahmud.

#### Antara jumpaan disini ialah:

1. Tembikar : Lot 2287 (*blue and white*) stoneware (Gambar 88-95).  
: 1494 Seramik Belanda dan lain-lain (Gambar 96-98).
2. Batu nesan : Dari batu sungai di lot 9357.  
: Di lot 4296 — Makam Beruas/dalam pagar terdapat 3 nesan jenis batu Aceh dan di luar ada 6 nesan diatas 2 busut.  
: Di lot 4296 terdapat 5 batu nesan granit.  
: Makam Raja Beruas 2 — terdapat dua buah nesan jenis batu Aceh.  
: 60 meter dari Makam Raja Beruas 2 terdapat nesan daripada batu sungai.  
: Di bawah pokok ketapang kubur Tok Medang. Batu nesan dalam busut.
3. Kesan Kota : Dari lot 9357 ke 8061.  
Orientasi Timur — Barat. Tembok.  
Sungai Kota ke Makam Beruas 2 dari sempadan lot 8061 ke sempadan lot 9357.
4. Sungai Kota : Kedudukannya ditepi tembok kota. Pada suatu masa dahulu mungkin wujud sebuah pelabuhan disitu. Ia berfungsi hingga tahun 1930-an.


Sepanjang eksplorasi ini beberapa jenis barang lama yang terdapat dalam koleksi peribadi penduduk setempat telah dapat disaksikan. Barang-barang lama terdiri dari barang-barang tembikar dan tembaga seperti batil, dulang, perisai, kendi, duit syiling dan lain-lain lagi (Gambar 99-122).

Sesungguhnya pelbagai artefak arkeologi yang di temui di Beruas dan di sekitarnya mewakili zaman kewujudannya. Kurangnya jumpaan artefak lebih muda dari itu menandakan kemerosotan kepentingannya dalam sejarah negara, khususnya sejarah maritim awal di negara ini.




Lakaran 18. Batu Tegak Granit di Persimpangan ke Bukit Sri Bunian (UIE Fld 40 Ha 113.1/Pl 90).





Lakaran 19. Lakaran Kasar Lokasi Kampung Kota.



88. Serpihan bibir dan tapak seramik jenis **Blue & White** (Kampung Kota).




89. Serpihan tapak dan pecahan seramik jenis **Blue & White** (Kampung Kota).




90. Serpihan bibir dan tapak seramik jenis **Blue & White** (Kampung Kota).




91. Serpihan seramik jenis **Blue & White** (Kampung Kota).



92. Serpihan seramik jenis hijau **Blue & White** (Kampung Kota).



93. Serpihan seramik jenis **Blue & White** (Kampung Batu Hampar).



94. Serpihan seramik jenis **Blue & White** (Kampung Kota).



95. Cembul batil seramik (Kampung Kota).



96(a). *Serpihan seramik jenis Belanda (Kampung Kota).*




96(b). *Serpihan seramik (Kampung Kota).*




97. Serpihan seramik jenis Belanda (Kampung Kota).



98. Serpihan seramik jenis **Blue & White** jenis Belanda (Kampung Kota).



99. Damar (*Kampung Pengkalan Damar*).



100. Batu Penggiling (*Kampung Pulau Meranti*).





101. Lesung batu.



102(a). Keratan rentas Serpihan batu penggiling.




102(b). *Pandangan sisi Serpihan batu penggiling.*



103. *Batil tembaga (Koleksi peribadi).*




104. *Bekas perasap kemenyan tembaga.*




105. *Batu Pengisar Tebu.*




106(a). Mangkuk seramik (Koleksi pribadi).



106(b). Mangkuk seramik (Koleksi pribadi).




107. Mata Tombak (Koleksi pribadi).




108. Dabus (Koleksi pribadi).




109. *Batil tembaga (Koleksi peribadi).*



110. *Kaki Semerit tembaga (Koleksi peribadi).*



111. *Perisai Tembaga (Koleksi peribadi).*



112. *Dulang Tembaga (Koleksi peribadi).*



113. Kendi tembaga untuk perenjris air mawar (Koleksi pribadi).



114. Kendi tembaga (Koleksi pribadi).






115. *Batil tembaga (Koleksi peribadi).*




116. *Tudung batil tembaga (Koleksi peribadi).*




117. *Siling (Koleksi pribadi).*




118. *Siling (Koleksi pribadi).*




119(a). *Duit Kepala Ayam sekupang (belakang).*  
(Koleksi pribadi).



120(b). *Duit Kepala Ayam sekupang (depan).*  
(Koleksi pribadi).



121(a). Duit siling zaman British (depan).  
(Koleksi peribadi).



121(b). Duit siling zaman British (belakang).  
(Koleksi peribadi).



122(a). *Pelita minyak lampu basikal (Hulu Beruas).  
(Koleksi peribadi).*



122(b). *Pelita tembaga (Kampung Changkat).  
(Koleksi peribadi).*

**BERUAS SEBELUM DAN SELEPAS 1937**

Dengan tertubuhnya Kesultanan Perak pada tahun 1528 bermulalah satu zaman di mana sejarah banyak berkisar disekitar Kesultanan Perak, khususnya kegiatan ekonomi dan politik yang membabitkan monopoli perdagangan. Bahan dagangan utama masih lagi bijih timah. Beruas turut juga menyumbang komoditi itu untuk perdagangan Perak dengan negara-negara luar, khususnya Belanda, Aceh dan kemudiannya Inggeris.

Selepas itu tidak banyak yang diketahui mengenai Beruas khususnya selepas 1528 dan sebelum 1937 kerana mulai 1528 Beruas menjadi sebahagian dari Perak. Dengan lain-lain perkataan tarafnya telah berkurangan dari sebuah kerajaan menjadi sebuah petempatan di Perak.

Keadaan politik dan ekonomi Beruas khasnya dan Perak keseluruhannya tidak banyak berubah menjelang beberapa dekad pada awal kurun ke-19 Masihi. Dalam perkembangan selanjutnya, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah ditandatangani. Kesan dari perjanjian itu dunia Melayu ini terbahagi dua oleh dua kuasa Barat itu. Sejak itu negeri-negeri kecil di Semenanjung termasuk Perak sudah terdedah kepada peraturan politik dan perdagangan British. Dua tahun kemudian Dinding diserahkan kepada Inggeris mengikut Perjanjian Low 1826.<sup>1</sup>

Kegiatan-kegiatan disekitar perhubungan bijih timah juga akhirnya menyebabkan Inggeris masuk campur tangan dalam sistem pemerintahan di negeri Perak iaitu dengan temeterinya Perjanjian Pangkor 1874. Salah satu tujuan perjanjian tersebut ialah untuk menyelesaikan perbalahan yang melibatkan 2 kongsi Cina yang diberi kuasa melombong bijih timah di Larut, Perak. Perjanjian tersebut

---

<sup>1</sup> Lihat Perjanjian No. 1, 1826 dan Fasal XI Perjanjian Pangkor 1874, dalam Maxwell & Gibson (1924).

juga mengesahkan Perjanjian Low 1826 mengenai kedudukan Dinding di bawah pentadbiran Inggeris di Pulau Pinang.

Sultan Iskandar Shah telah beberapa kali merayu agar Dinding diserahkan kembali kepada negeri Perak. Akhirnya pada tahun 1935 Parlimen Inggeris telah bersetuju untuk menyerahkan semula Dinding kepada negeri Perak.<sup>2</sup> Pada tahun 1937 dan 1938 Beruas dan Sitiawan masing-masing dimasukkan ke dalam jajahan Dinding.<sup>3</sup> Dengan itu peranan Beruas menjadi bertambah kecil, kini hanya menjadi salah satu mukim di dalam daerah Dinding. Mulai tahun 1982 daerah Dinding dikenali pula dengan nama daerah Manjung. Manjung yang dahulunya sebuah kerajaan sama besar dengan kerajaan Beruas kini menjadi sebuah daerah dan mengambil Beruas menjadi salah satu mukim di bawah pentadbirannya.

---

2 Lihat Dr. Othman Mohd. Yatim (1993). Buku ini sebenarnya adalah berdasarkan Latihan ilmiah beliau yang berjudul *Jajahan Dindings: Sebelum dan Sesudah Perjanjian Pangkor 1874* yang telah diserahkan kepada Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1973.

3 Lihat fail-fail District of Dindings (DOD) dan District of Sitiawan (DOS) yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia.

## PENUTUP

Penelitian arkeologi yang dibuat pada 25 November hingga 15 Disember 1991 itu ditumpukan kepada beberapa kawasan yang dipilih khas kerana sebelum ini terdapat maklumat awalan yang menggalakkan tentang kemungkinan wujud kesan-kesan sejarah di kawasan-kawasan tersebut. Setelah meneliti Bukit Kota dan Bukit Shamsul Baharin ternyata tidak ada bukti yang nyata tentang wujudnya tinggalan arkeologi atua gua di kedua-dua bukit itu. Yang nyata ialah batu dinding hampar di Bukit Shamsul Baharin itu mungkin telah dijadikan sebagai mercu tanda kepada kapal-kapal yang datang ke pelabuhan di kawasan Beruas.

Meskipun ada beberapa gua di bukit-bukit di daerah Manjung, daripada penelitian yang terhad seperti di Hulu Licin dan Kampung Che Puteh tidak ada bukti arkeologi yang menunjukkan ianya pernah dijadikan tempat kediaman masyarakat prasejarah ataupun protosejarah.

Daripada penelitian arkeologi di kawasan-kawasan seperti Kampung Kota, Pulau Meranti, Kampung Che Puteh, Tanjung Ara, Padang Antah Beranta, Pengkalan Baharu dan lain-lain, dapat disimpulkan setakat ini dengan data yang terhad, iaitu Kampung Kota merupakan penempatan yang penting di abad ke-15/16 Masihi iaitu berdasarkan kepada jumpaan batu nesan dan seramik.

Di Bukit Sunting Buluh, Kampung Che Puteh dijumpai batu yang bertambak. Ada beberapa andaian tentang fungsi tambak batu itu. Satu daripadanya ialah aktiviti perlombongan, kedua aktiviti pegganas komunis dan ketiga kemungkinan tinggalan masyarakat zaman silam.

Penemuan tembikar jenis *celadon* di Padang Remis adalah satu perkara yang menarik. Ia adalah satu-satunya bukti yang nyata tentang zaman-zaman sebelum abad ke-15 Masihi. Mungkinkah ini bukti peninggalan masyarakat pada zaman Kerajaan Gangga Negara?



Kalau itulah kawasan penempatan penting ditahap sebelum abad ke-15 Masihi, maka kemungkinan besar kawasan dari Pantai Remis ke Padang Remis termasuk kawasan Kampung Che Puteh telah wujud pada zaman Kerajaan Gangga Negara.

Sesungguhnya eksplorasi yang dijalankan pada 25 November hingga 15 Disember 1991 itu telah berjaya menambah data mengenai sejarah silam Beruas tetapi tidak mencukupi untuk membantu kita menetapkan lokasi sebenar kerajaan-kerajaan Gangga Negara, Beruas dan juga Manjung. Apa yang mampu kita lakukan ialah mengemukakan beberapa andaian. Sesungguhnya sejarah silam Beruas masih lagi diselimuti misteri.

## PEMERHATIAN TERHADAP BATU NESAN ACEH DI BERUAS

Mengikuti kajian Dr. Othman Mohd. Yatim (1988: 110) batu nesan jenis Aceh yang terdapat di perkuburan Raja Beruas di Kampung Kota dan Kampung Pulau Meranti di anggarkan tergolong kepada jenis Batu Aceh awal abad ke-16. Dipercayai juga iaitu Batu Aceh di bawa masuk atau diimport ke Beruas kerana wujud hubungan perdagangan antara Beruas dengan Melaka pada abad ke-15 Masihi. Ini adalah kerana Beruas terletak dalam lingkungan perdagangan Melaka. Disamping itu pedagang-pedagang yang pernah berdagang di Aceh dan Pasai juga datang ke Beruas untuk berdagang, dan secara langsung memperkenalkan batu nesan Aceh di Beruas.

Penelitian terhadap batu nesan Aceh di Kampung Kota dan Pulau Meranti menunjukkan bahawa sebahagian besarnya adalah dari jenis "C" Othman<sup>1</sup>. Hanya satu contoh sahaja yang menunjukkan jenis "K" Othman. Jenis "C" adalah jenis yang diberi tarikh bermula tahun 1500 - 1599. Batu nesan jenis "K" pula adalah dalam lingkungan tahun 1700-1800. Batu nesan jenis "K" itu dijumpai di Kubur Panjang — Permatang Kubu, Tanjung Arab. Kewujudan jenis ini tidak dilaporkan dalam kajian yang terdahulu.

Sepertimana batu Aceh yang lain, batu Aceh di Beruas juga antara lain mempunyai inskripsi yang ditulis dengan mengguna skrip Kufi. Kandungan ayat-ayat daripada Hadith dan Al-Quran diukir di atas batu nesan. Hiasan-hiasan yang lain yang terdapat pada batu nesan Aceh ialah hiasan dengan motif seperti bunga Aceh — *boengong awan si tangke*, *rossette*, hiasan berbentuk geometri dan lain-lain lagi. Aceh ialah hiasan dengan motif seperti bunga Aceh — *boengong awan si tangke*, *rossette*, hiasan berbentuk geometri dan lain-lain lagi.

Batu nesan Aceh di Beruas yang tergolong kepada jenis "C" itu memang popular dikalangan masyarakat Nusantara abad 16 itu. Ini kita dapat lihat taburannya yang termasuk di kawasan Johor, Kedah, Pahang, Terengganu, Perlis dan Melaka. Taburan itu menunjukkan hubungan antara kerajaan-kerajaan pada abad ke-16 itu.

Walaupun setakat ini tidak terdapat bukti kewujudan batu nesan jenis "A" yang diperbuat pada abad ke-14, namun tidak mustahil kalau batu nesan jenis itu dijumpai di Beruas memandangkan

<sup>1</sup> Lihat Lukisan 12

kemungkinan besar kerajaan Beruas wujud lebih awal dari Melaka. Kewujudan batu nesan Aceh di Beruas itu menjadi bukti kepada pengislaman Beruas pada abad ke-16 Masihi.

1. Beruas  
2. Beruas  
3. Beruas  
4. Beruas  
5. Beruas  
6. Beruas  
7. Beruas  
8. Beruas  
9. Beruas  
10. Beruas  
11. Beruas  
12. Beruas  
13. Beruas  
14. Beruas  
15. Beruas  
16. Beruas  
17. Beruas  
18. Beruas  
19. Beruas  
20. Beruas  
21. Beruas  
22. Beruas  
23. Beruas  
24. Beruas  
25. Beruas  
26. Beruas  
27. Beruas  
28. Beruas  
29. Beruas  
30. Beruas  
31. Beruas  
32. Beruas  
33. Beruas  
34. Beruas  
35. Beruas  
36. Beruas  
37. Beruas  
38. Beruas  
39. Beruas  
40. Beruas  
41. Beruas  
42. Beruas  
43. Beruas  
44. Beruas  
45. Beruas  
46. Beruas  
47. Beruas  
48. Beruas  
49. Beruas  
50. Beruas  
51. Beruas  
52. Beruas  
53. Beruas  
54. Beruas  
55. Beruas  
56. Beruas  
57. Beruas  
58. Beruas  
59. Beruas  
60. Beruas  
61. Beruas  
62. Beruas  
63. Beruas  
64. Beruas  
65. Beruas  
66. Beruas  
67. Beruas  
68. Beruas  
69. Beruas  
70. Beruas  
71. Beruas  
72. Beruas  
73. Beruas  
74. Beruas  
75. Beruas  
76. Beruas  
77. Beruas  
78. Beruas  
79. Beruas  
80. Beruas  
81. Beruas  
82. Beruas  
83. Beruas  
84. Beruas  
85. Beruas  
86. Beruas  
87. Beruas  
88. Beruas  
89. Beruas  
90. Beruas  
91. Beruas  
92. Beruas  
93. Beruas  
94. Beruas  
95. Beruas  
96. Beruas  
97. Beruas  
98. Beruas  
99. Beruas  
100. Beruas

## INDEKS

- Abd. Hamid Zamburi 24, 25  
Abd. Rahim bin Awang 76, 80  
Aceh 3, 5, 7, 136, 180  
Al-Muhsin Tauhid 8  
Arab 1  
Arab-Parsi 15  
*Argusa* 19  
Ariffin bin Hassan 76  
Arshad 50  
Asia Tenggara 27  
*Avrea Cheronesus* 18
- Baharom bin Ahmad 90  
Batang Kubu 2  
Batang Padang 18, 23  
Batu Aceh 8, 25, 101, 113, 140, 141  
Batu Gajah 33, 107, 109  
Batu Hampar 80  
Belanda 136  
Belfield 30  
Belukar Sambang 1, 3  
Bendahara Paduka Tuan 5  
Benggala 5  
Bentan 6  
Beruas 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 15, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 29, 31, 32,  
33, 35, 37, 40, 42, 45, 46, 47, 50, 54, 57, 76, 90, 107, 113,  
136, 138, 139, 140  
Beruas Estet 50, 104  
Berthelot, A 18  
Bidor 4, 23

- Braddell 16, 18, 19, 23, 27  
 Buddha (arca) 4  
 Bukit
  - Batu Hampar 80
  - Changkat Beruas 80
  - Che Puteh 50
  - Gelong Pepuyu 50
  - Jepun 50
  - Kota 22, 38, 74, 75, 76, 138
  - Residen 50
  - Segari 38
  - Shamsul Baharin 50, 76, 138
  - Sunting Buluh 138
 Bulat (Encik) 24  
  
 Changkat Beruas Estet 86  
 Changkat Menteri 23  
 Chenderiang 113  
*Chieh-cha* 15  
 China 1, 15, 16, 25
  - tokong 107
 Coedes 16, 18  
 Col. James Low 16, 19  
 Corommandel 5  
  
 Daik Ismail 8  
 Dato' Shaharuddin 47, 48  
 Datuk Alang Hitam (kubur) 90  
 Datuk Sang Lang Hitam (kubur) 104  
 Dinasti Song 45  
 Dinding (daerah) 4, 16, 18, 20, 23, 24, 29, 31, 136, 137  
 Douglas, P.K. 18, 23  
 Drs. Zakaria Ahmad 8  
 England 77  
 Gabnor de Bruijn 30  
 Gangga Negara 1, 3, 4, 5, 15, 16, 19, 20, 22, 23, 24, 25, 29, 31, 33, 37, 138, 139  
 Ganji Sarjuna 6  
 Gerini, G.E 18  
*Golden Khersonese* 18  
 Gujarat 5  
 Gunung Bubu 4, 23, 26, 31  
 Gunung Sunting Buluh 48

Hashim (Pak) 25  
*Hikayat Merong Mahawangsa* 25  
Hindu (zaman) 20  
Hirth 18  
Holosen 33, 38, 41, 42  
Hulu Perak 7  
Hussain Mahmud 1, 6  
Hutan Simpan Gunung Bubu 47, 50

India 1, 3, 4, 5, 15, 16, 18, 20, 25  
Inggeris 136  
Ipoh 32  
Ismail Haji Ahmad 104  
Iskandariah 19  
Itali 1

Johor Lama 15

*Kadaram* 15

Kambodia 6

Kamal bin Othman 74

Kampar 7

Kampung

- Ara 55
- Batu Hampar 80, 83, 84, 85, 118
- Changkat 88
- Changkat Beruas 57
- Che Puteh 45, 47, 48, 138, 139
- Dendang 29
- Gajah 76
- Gelong 29
- Gelong Gajah 74
- Hujung Kota 101
- Kota 6, 25, 26, 38, 45, 80, 99, 100, 103, 113, 115, 116,  
117, 118, 119, 120, 121, 140
- Kota Kulit Kerang 24
- Matang Aceh 40, 42, 55, 56
- Matang Raja 41
- Padang Lalang 40
- Padang Serai 41, 42, 87
- Pantai Remis 26
- Pangkalan Baharu 40, 42
- Permatang Padang Lalang 90, 101

- Pulau Meranti 5, 6, 29, 38, 40, 74, 85, 87, 89, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 98, 99, 100, 102, 103, 105, 106, 122, 140
- Tanjung Ara 55, 57, 58, 59, 60, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 89, 90
- Tengah 42
- Tok Imam 80 •
- Ujung Tanjung 101

*Kataha* 15

Kedah 5, 6, 18

Khmer 6

*Kidaram* 15

Kinta 16, 18, 23, 31

Koopmans 4, 16, 22, 23, 26, 27, 29, 30, 31

Korbie 16, 18

Kota Belanda 27

Kota Kulit Kerang 24, 55

Kuala Kangsar 18, 31

Kuala Kubu 22

Kuala Selinsing 25

Kubu Panjang 55

Ladang Changkat Beruas 85

Ladang Kelapa Sawit Koop 54

Ladang Saforra 41, 76

Ladang UIE 37, 38, 40, 42, 50, 55, 85, 86, 87, 107, 110, 111, 112

Langkasuka 23

Larut 136

Lembah Kinta 4

Lembah Paya Ara 50

Linehan 16, 18, 27

Lubuk Meriam 50, 60, 62

Mahmud Az-Zahir 8

Makam

- Beruas 113, 140

- Puteri Bunian 80, 82, 83, 84, 85, 87

Malaysia 15, 18

Malik al-Mansur (Aceh) 3, 7, 8

Manjung 1, 5, 6, 15, 33, 37, 137, 138, 139

Matang 25, 30

Mat Makam (Mat Bomoh) 101

Mc Nair 19, 24, 25

Melaka 5, 6, 7, 8, 15, 31  
     — Selat 37  
 Merbok 18  
 Merewether 30  
 Mesoka 7  
 Moens 16, 23  
 Moorhead 16  
  
 Nakhoda Kassim 7  
 Nawawi Haji Ahmad 50  
 Nordin bin Ahmad 50  
 Nusantara 25  
  
 Ong Kheng Heng 76  
 Othman Yatim 6, 140  
  
 Padang Antah Beranta 55, 59  
 Padang Remis 139  
 Pantai Remis 26, 37, 38, 40, 41, 42, 139  
 Pasai 5, 8  
 Peacock, B.A.V 29  
 Penghulu Nordin 24  
 Pengkalan (Ipoh) 4, 23  
 Pengkalan Balai 76  
 Pengkalan Baru 1, 3, 20, 24, 25, 26, 37, 62  
 Pengkalan Damar 41, 79, 97, 106, 122  
 Pengkalan Kayu 62  
 Perak Tengah 16  
 Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 136  
 Perjanjian Low 136  
 Permatang Kubu 62, 140  
 Peta  
     — Asia Tenggara 27  
     — Blaeu 27  
     — Dourado 29  
     — Eredia & Janssonius 29  
     — Francois Valentijn  
     — Homen 29  
     — Mannevilette 27  
     — Mortier 27  
     — Mount & Page 27  
     — Philippe d'Orleans 27  
     — Sonson d'Abberville 29



- Tassin 27
- Thomas Forest 27
- Pinto 29
- Pleistosen 33, 42
- Portugis 5, 6, 7, 31
- Ptolemy 1, 16, 18, 19, 25, 31
- Pulau
  - Hantu 25
  - Kelumpang 25
  - Pinang 24, 29, 137
  - Sembilan 29
  
- Quaritch-Wales 16, 18, 22, 23, 25, 31
  
- Raja Beruas 5, 6
- Raja Jaafar Raja Omar 113
- Raja Muzaffar 6, 7
- Raja Rajendra Chola I 1, 5
- Raja Shah Johan 7
- Raja Suran 19
- Raja Tipah 113
- Residen Meyer 30
- Riau 8
  
- Santubong 15
- Shamsul Baharin 8
- Sarawak 15
- Sayong 31
- Seberang Prai 27
- Sejarah Melayu* 4, 5, 6, 7, 15, 19, 20, 26, 31
- Semenanjung Kamchatka 19
- Semenanjung Malaysia 4
- Semenanjung Tanah Melayu 16, 18, 19
- Shaharom bin Ali 101, 103
- Siam 5, 8
- Sitiawan 107, 137
- Srivijaya 16, 23
- Srokam 25
- Sultan Iskandar Shah 137
- Sultan Mahmud Shah (Melaka) 5, 6, 7, 8
- Suma Oriental* 5, 6, 29
- Sumatra 7
- Sungai

- Ayer Hitam 80
- Bernam 18
- Beruas 3, 5, 8, 19, 26, 29, 30, 31, 35, 37, 38, 40, 41, 46, 55, 56, 57, 58, 60, 63, 64, 80, 85, 87, 90, 101, 104
- Binjai 47
- Dendang 4, 26, 29, 31
- Dinding 4, 18, 20, 23, 25, 26, 27, 29, 30
- Ganges 3
- Kinta 27
- Larut 30
- Muda 18
- Pengkalan Balai 76, 77
- Perak 4, 6, 16, 18, 20, 22, 23, 26, 27, 31
- Rotan 37, 63, 80
- Sedang 54
- Segari 26, 30
- Selangor 22
- Siput 4, 23

Sungkai 23

Suntharalingam 42

Swettenham, Frank 26, 30

Syed Mahmud Syed Lodin 113

Taiping 47, 76, 90

Tanak Abang 6, 7, 19

Tanjung

– Arab 140

– Mengkudu 42

– Rambutan 4, 23

Teja 31

Telok Bakong 6

Tembikar (Seramik)

– China 6, 42, 57, 62, 85, 113

– Belanda 68, 87, 88, 113

Temong 7, 31

Timur Tengah 25

Tok Medang (kubur) 113

Tome Pires 5, 6, 29

Tuan Acem 5

Tumin bin Musa 76

Tun Aria Bija Diraja 5, 6

Tun Saban 7

Ujung Salang 18  
Ulum 18  
Ulu Jelai 23  
Ulu Licin 54, 138

Wheatley, Paul 16, 19  
Wilkinson 16  
Winstedt 16, 24

Yunani 1, 15, 19

Zaharah Mahmud 20, 22  
Zainol Haji Hussin 32

## BIBLIOGRAFI

- ABDULLAH HAJI MUSA LUBIS, *Kesah Raja Merong Maha Wangsa*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1965.
- ABDULLAH HAJI MUSA LUBIS, *Kesah Raja-raja Pasai*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1963.
- ANDAYA, B.W., *Perak, the Abode of Grace, A Study of an Eighteenth Century Malay State*, Kuala Lumpur: OUP, 1979.
- ARASARATNAM, S., *Pre-Modern Commerce and Society in Southern Asia*, Kuala Lumpur, 1972.
- BASHAM, A.L., *The Wonder That was India*, London, 1967.
- BELFIELD, H.C., *Handbook of the Federated Malay States*, London, 1902.
- BRADDELL, R., "Notes on Ancient Times in Malaya", *JMBRAS*, Jilid XX, Bahagian I, 1947.
- \_\_\_\_\_, "The Perak 'Pallava Seal'", *JMBRAS*, Jilid XII, Bahagian II, 1934.
- \_\_\_\_\_, "An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca", *JMBRAS*, Jilid XVII, Bahagian I, 1939.
- BRITANNICA, *Encyclopaedia*, Jilid X, XIV, dan XVIII, U.S.A., 1973.
- CHENDRAMATA Pertabalan Sultan Perak 1963.
- COWAN, C.D., "Sir Frank Swettenham's, Perak Journal, 1874 - 1876", *JMBRAS*, Jilid XXIV, Bahagian IV, 1951.
- COEDES, G., *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur, 1968.
- CORTESAO, A., *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jilid I, Great Britain, 1944.
- DEVAHUTI, D., *India and Ancient Malaya*, Singapura, 1965.
- DZULKIFLI SALLEH, "Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Sumber Sejarah", *Dewan Bahasa*, Oktober 1965, Jilid 9, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.
- EHSAN KASTAWI, *Kesah Cendawan Puteh*, Kuala Lumpur, 1964.
- FATIMI, S.Q., *Islam Comes to Malaysia*, Singapura, 1963.

- GIBSON-HILL, C.A., "The Affairs at Bruas (1837)", *JMBRAS*, Jilid XXIV, Bhg. III, 1951.
- HALL, D.G.E., *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
- HARROWER, G., "Skeletal Remains from the Kuala Selingsing Excavation, Perak, Malay Peninsula", *JMBRAS*, Jilid XI, Bahagian II, 1933.
- HUSAIN BIN MAHMUD, "The Ancient Kingdom of Bruas", *Malaysia in History*, Jilid 13, Bhg. 1, 1970, hal. 2 - 4.
- JALIL MIRAN, "Sultan Malikal-Mansor Dari Aceh Kuasai Kerajaan Beruas", *VARIASARI*, Bil. 61, Julai, 1986, hal. 2 - 9.
- KOLONIAL ARCHIEF, K.A., 3491 Overgetiomend Brievich 1782, *Surat Residen Meyer kepada Gabnor de Bruijn, 26 Julai dan 13 September, 1780*.
- KOOPMANS, B.N., "Geomorphological and Historical data of Lower Course of Perak River (Dinding)", *JMBRAS*, Jilid XXXVII, Bahagian II, 1964.
- LAMB, A., "Early History" dalam *Malaysia, A Survey*, susunan Wang Gungwu, Cetakan ke 2, U.S.A., 1965.
- \_\_\_\_\_, "Report on the Excavation and Reconstruction of Chandi Bukit Batu Pahat, Central Kedah", *FMJ*, Jilid VI, 1961.
- LINEHAN, W., "Notes on Some Further Archaeological Discoveries in Pahang", *JMBRAS*, Jilid VIII, Bahagian 2, 1930.
- \_\_\_\_\_, "The Identifications of Some of Ptolemy's Place Names in the Golden Khersonese", *JMBRAS*, Jilid XXIV, Bahagian III, 1951.
- \_\_\_\_\_, "Marhum Muda Pahang", *JMBRAS*, Jilid XII, Bahagian II, 1934.
- \_\_\_\_\_, "Historical Notes, Mainly About Klang", *JMBRAS*, Jilid XXIV, Bahagian III, 1951.
- \_\_\_\_\_, "Keramat Seri Benian", *JMBRAS*, Jilid XXIV, Bahagian 3, 1951.
- MAJUMDAR, R.C., *Ancient Indian Colonisation in South East Asia*, India, 1955.
- MANSOER, M.D., *Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia*, Medan, 1963.
- MAXWELL, W.E., "The History of Perak from Native Sources", *JMBRAS*, No. 9, 1882.
- MAXWELL, W.G. & GIBSON, W.S., *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London: Jus Truscott & Sons Ltd., 1924.
- MC NAIR, M.P., *Perak and the Malays* (Cetakan Semula), Kuala Lumpur, 1972.

- MEILINK-ROELOFSZ, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*, Netherland, 1962.
- MEREWETHER, E.M., "Outline of the History of the Dindings from the 17th. Century to the Present Times", *JMBRAS*, Jilid 23 - 24, 1891.
- MOENS, IR. J.L., "Srivijaya, Yava and Kataha", *JMBRAS*, Jilid XVII, Bahagian II, 1939.
- MOHAMMAD YAMIN, *Atlas Sedjarah*, Indonesia, 1956.
- MOORHEAD, F.J., *The History of Malaya and Her Neighbours*, Jilid I, Great Britain, 1959.
- MORGAN, W.S., "*The Story of Malaya*" (Edisi Semula), Singapura, 1953.
- MUNSHI NORDIN BIN MOHD. YASIN, "*Riwayat Negeri Perak Darul-Ridzuan*", disalin oleh Dato' Mior Abdullah (Simpanan Cik Gu Husain Mahmud.... belum dicetak).
- NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN, "Recent Research at Kuala Selinsing, Perak", *Indo-Pacific Pre-history*, Vol. 2, 1990, hal. 141 - 152.
- NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN & OTHMAN MOHD. YATIM, *Antiquities of Bujang Valley*, Kuala Lumpur, 1990.
- OTHMAN MOHD. YATIM, *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988.
- POERWADARWINTA, W.J.S., *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, Jakarta, 1950.
- RAJA SABARUDDIN ABDULLAH, "Peninggalan Sejarah Di Bruas Menjadi Tarikan", *Berita Harian*, 9 Ogos 1986.
- SEJARAH MELAYU, *Sejarah Melayu* (Cetakan Shellabear), 1967.
- SITI HAWA SALLEH, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1969.
- STURGUS, J., "Brass Kettle Drums in Sabah", *Straits Times Annual*, 1971.
- TIALA, P.A., "De Europers in de Maleischen Archipel". *B.K.I.*, Jilid III, 1879.
- TEEUW, A., *Hikayat Patani*, Hague, 1970.
- VAN DISSEL, J.S.A., "Hikayat Si Miskin" (Leiden 1897) oleh Emeis, Dr. M.G. dalam *Bunga Rampai Melayu Kuno*, Kuala Lumpur, 1965.
- VAN LEUR, J.C., *Indonesian Trade and Society* (Cetakan Ke-2). Hague, 1957.
- WALES, H.G.Q., "Archaeological Researches on Ancient Indian Colonization in Malaya", *JMBRAS*, Jilid XVIII, Bahagian I, 1940.

- WHEATLEY, P., *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1966.
- WINSTEDT, R.O., *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur, 1969.
- \_\_\_\_\_, "Keramat" *JMBRAS*, Jilid II, Bahagian 3, 1924.
- \_\_\_\_\_, "Perak and the Arrow-chosen", *JRAS*, No. 82, 1920.
- \_\_\_\_\_, "Hikayat Si Miskin or Marakarma", *JSBRAS*, No. 85, Mac 1922.
- WINSTEDT & WILKINSON R.J., "A History of Perak", *JMBRAS*, Jilid XII, Bahagian I, 1934.
- WOLTERS, O.W., *The Fall of Srivajaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970.
- WRIGHT, A & REID, T.H., *The Malay Peninsula*, (Cetakan Ke-2), London, 1913.
- ZAHARAH BTE. HJ. MAHMUD, "The Period and the Nature of 'Traditional' Settlement in the Malay Peninsula", *JMBRAS*, Jilid XLIII, Bahagian II, 1970.
- \_\_\_\_\_, "Population and Settlement in Kedah up to the 18th. Century". *Geographica*, Jilid VI, 1970.
- ZAHARAH KHALID, *Raja Donan*, Kuala Lumpur, 1963.

#### Sumber Lisan

- ABDUL BIN MAT MUSA, Kampung Dendang, Bruas..... "Bagaimana Bruas mendapat namanya" dan "Cerita Marakarma".
- CIK BULAT BTE. MAT SATAR, Pengkalan Baharu, ..... "Kota Kulit Kerang" dan "Keramat Tok Padang".
- HAJAH ZUBIDAH BTE. YEOB, Kampung Kota, Bruas..... "Sham sulbahrin dalam penglihatan Bomo", "Kaitan Teja dengan Bruas" dan "Cerita Marakarma".
- HASHIM (BOMO PATAH), Kampung Kota, Bruas..... 'Kampung Kota, Bruas secara Rengkas'.
- MEGAT ISMAIL, Sungai Limau, Trong..... "Hikayat Si Miskin".
- RAJA SAHARUDDIN BIN RAJA OSMAN, Kampung Kota, Bruas..... "Terjumpanya Tempayan Karun".
- SHARIF BIN UDA, Pengkalan Baharu..... "Padang Antah Berantah".

#### Rekod dan Kerta-kertas yang berkaitan \*

- District Office Dindings  
 District Office Sitiawan  
 Perak Secretary General

- \* Fail-fail ini tersimpan di Arkib Negara Malaysia